

PERSEPSI USAHAWAN INDUSTRI KECIL DAN
SEDERHANA (IKS) BUMIPUTERA TERHADAP
PENSIJILAN HALAL MALAYSIA.

SITI KHALILAH BINTI BASARUD-DIN

SARJANA SAINS (PENGURUSAN)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
DISEMBER 2013

PERSEPSI USAHAWAN INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA (IKS)
BUMIPUTERA TERHADAP PENSIJILAN HALAL MALAYSIA.

Oleh
SITI KHALILAH BINTI BASARUD-DIN

Tesis ini diserahkan kepada Sekolah Perniagaan Siswasah Othman Yeop Abdullah
(OYAGSB),
Universiti Utara Malaysia,
Sebagai memenuhi sebahagian dari syarat keperluan Ijazah Sarjana Sains Pengurusan

KEBENARAN MENGGUNAKAN TESIS

Tesis ini dikemukakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sains Pengurusan dari Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju bahawa pihak perpustakaan boleh menjadikan tesis ini sebagai bahan rujukan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran membuat salinan, keseluruhan atau sebahagian daripadanya untuk tujuan akademik mesti mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau diperoleh daripada Dekan Sekolah Siswazah Othman Yeop Abdullah. Sebarang penyalinan, pengambilan atau penggunaan keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan komersil tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada saya. Adalah difahamkan bahawa pengiktirafan yang sewajarnya hendaklah diberikan kepada saya dan Universiti Utara Malaysia untuk sebarang kegunaan ilmiah yang boleh dibuat daripada mana-mana bahan dalam tesis ini. Permintaan kebenaran untuk menyalin atau menggunakan bahan-bahan lain di dalam tesis ini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, hendaklah dialamatkan kepada:

Dekan Sekolah Siswazah Othman Yeop Abdullah
Kolej Perniagaan
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk menilai dan mengetahui persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Pensijilan halal Malaysia adalah penting dalam industri makanan kerana pensijilan halal adalah satu tanda bahawa makanan yang berada dipasaran adalah halal dan dibenarkan. Halal bermaksud dibenarkan atau sah sesuatu produk itu digunakan. Peningkatan penduduk Islam semakin meningkat. Oleh itu, permintaan untuk makanan halal semakin berkembang diperingkat tempatan dan global. Pensijilan halal Malaysia dilihat sebagai satu aspek penting dalam industri makanan. Namun begitu masih ramai usahawan terutama usahawan IKS bumiputera yang tidak mempunyai pensijilan halal pada produk yang dikeluarkan oleh mereka. Penyelidikan ini menfokuskan kepada usahawan IKS bumiputera yang tidak memiliki pensijilan halal Malaysia. Objektif penyelidikan ini adalah mengenalpasti faktor-faktor penting yang mempengaruhi tahap persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Responden terdiri daripada 117 usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah. Data yang telah dikumpulkan telah diproses secara kolektif dengan menggunakan "*Statistical Package for Social Science (SPSS)*" versi 19.0. Teknik analisis data yang digunakan adalah analisis deskriptif, analisis korelasi dan analisis regrasi pelbagai. Hasil dapatan penyelidikan mendapati bahawa prosuder pensijilan halal Malaysia, identiti diri dan sikap mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi persepsi usahawan IKS yang tidak memiliki pensijilan halal Malaysia.

ABSTRACT

This study aims to evaluate the perception of Bumiputera Small and Medium-Sized Enterprises (SMEs) entrepreneurs towards Malaysia's halal certification. Malaysian halal certification is important towards halal food industry because halal certification as a symbol that the food is halal and allowed. Halal means permitted or lawful for product consumption. The increase in the Muslim population is increasing. Therefore, the demand for halal food is growing in local and global. Malaysia's halal certification is seen as an important aspect of the food industry. However, there are still many entrepreneurs, especially Bumiputera SMEs entrepreneurs do not have the halal certification on their products that manufactured by them. This study focuses on the Bumiputera SMEs entrepreneurs who do not have the Malaysian halal certification. The objective of this research is to identify the factors that influence the perception of bumiputera SMEs entrepreneurs of Malaysia's halal certification. Respondents were 117 of bumiputera SMEs entrepreneurs at Daerah Kubang Pasu in Jitra, Kedah. The data collected were analyzed using "Statistical Package for Social Sciences (SPSS)" version 19.0. The data analysis techniques are used are descriptive analysis, correlation analysis and multiple regression analysis. Findings showed that the procedure of Malaysian halal certification, self-identity and attitudes have a significant to influence on the perception of the SMEs entrepreneurs who do not have Malaysian halal certification.

PENGHARGAAN

Pertama sekali saya ingin merakamkan kesyukuran saya kepada Allah S.W.T. dalam memberi peluang dan kekuatan untuk menyiapkan penyelidikan Sarjana Sains Pengurusan saya. Ucapan terima kasih saya tujukan kepada Universiti Utara Malaysia kerana memberi peluang kepada saya sebagai gedung ilmu dalam membantu menyiapkan penyelidikan ini. Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya yang dihormati iaitu Prof. Madya Dr. Mohammad Nasri B. Md. Hussain atas segala ilmu yang dicurahkan, pengalaman dan tunjuk ajar beliau sepanjang tempoh penyelidikan ini. Sesungguhnya segala yang diperoleh daripada beliau tidak akan saya lupakan.

Selain itu, ucapan terima kasih kepada responden-responden yang terlibat atas segala bantu dan kerjasama dalam memberi peluang kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada kedua-dua ibu bapa dan adik beradik saya yang memberi sokongan moral dan fizikal sepanjang penyelidikan ini. Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan terutama kepada Nik Norayikin Bt. Nik Mohd Sukrri atas segala bantuan dan perkongsian ilmu mengenai penyelidikan serta suka dan duka yang dilalui bersama sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Akhir kata, terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang pembikinan penyelidikan ini. Semoga Allah S.W.T membalas kebaikan anda semua dengan kebaikan yang lebih baik.

Sekian, Terima Kasih.

ISI KANDUNGAN

KEBENARAN MENGGUNAKAN TESIS	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB SATU	1
Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	6
1.3 Objektif Penyelidikan	9
1.4 Persoalan Penyelidikan	10
1.5 Skop Penyelidikan	10
1.6 Kepentingan Penyelidikan	10
1.7 Limitasi Penyelidikan	11
1.8 Rumusan	12
BAB DUA	13
ULASAN KARYA	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Halal	13
2.3 Usahawan Industri Kecil Dan Sederhana (Iks)	19
2.3.1 Definisi Usahawan Iks	19
2.3.2 Klasifikasi Mengikut Sektor	20
2.4 Industri Makanan Halal	21
2.4 Pensijilan Halal Malaysia	25

2.5	Persepsi	29
2.6	Prosedur Pensijilan Halal	32
2.7	Identiti Diri	49
2.8	Sikap.....	58
2.9	Rumusan	64
BAB TIGA		65
METODOLOGI PENYELIDIKAN		65
3.1	Pengenalan.....	65
3.2	Model Penyelidikan	65
3.3	Hipotesis Penyelidikan	66
3.4	Reka Bentuk Penyelidikan	67
3.5	Persampelan Penyelidikan.....	68
3.6	Kaedah Pengumpulan Data.....	71
3.7	Penyelidikan Rintis	74
3.8	Analisis Data	75
BAB EMPAT		81
DAPATAN PENYELIDIKAN		81
4.1	Pengenalan.....	81
4.2	Persampelan Penyelidikan.....	81
4.3	Analisis Deskriptif Maklumat Demografi.....	82
4.4	Min Dan Sisihan Piawai	89
4.5	Analisis Kebolehpercayaan.....	97
4.6	Analisis Korelasi Pearson.....	98
4.7	Analisis Regrasi Pelbagai (<i>Multiple Regressions</i>)	102
4.8	Rumusan	105
BAB LIMA		106
KESIMPULAN DAN CADANGAN		106
5.1	Pengenalan.....	106
5.2	Dapatan Penyelidikan	106
5.3	Rumusan Penyelidikan	118

5.4	Cadangan Penyelidikan	121
5.5	Penyelidikan Masa Hadapan.....	123
5.6	Rumusan	123

RUJUKAN.....	125
--------------	-----

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Statistik Permohonan Kelulusan Sijil Halal Bagi Bumiputra dan Bukan Bumiputera pada tahun 2009.	3
Jadual 1.2:	Permohonan Pensijilan Halal Yang Diluluskan Dan Tidak Diluluskan Bagi Tahun 2009 Hingga 2010.	5
Jadual 1.3:	Statistik Usahawan IKS Malaysia Mengikut Kategori Yang Telah Memohon Sijil Halal JAKIM 2010.	6
Jadual 2.1:	Definisi Usahawan IKS	19
Jadual 2.2:	Kadar Caj Bagi Industri Pengeluar Produk.	45
Jadual 2.3:	Kadar Caj Premis Makanan, Restoran dan Katering	45
Jadual 3.1:	Pembahagian Soal Selidik.	73
Jadual 3.2:	Skala likert (<i>Scala likert</i>).	74
Jadual 4.1:	Taburan Responden Mengikut Jantina.	82
Jadual 4.2:	Taburan Responden Berdasarkan Umur.	83
Jadual 4.3:	Taburan Jenis Perniagaan.	84
Jadual 4.4:	Taburan Purata Keuntungan Tahunan.	86
Jadual 4.5:	Taburan Tempoh Perniagaan Beroperasi.	87
Jadual 4.6:	Taburan Bilangan Pekerja.	88
Jadual 4.7:	Min dan Sisihan Piawai untuk Pembolehubah Bebas dan Bersandar.	89
Jadual 4.8:	Min dan Sisihan Piawai Bagi Prosedur.	90
Jadual 4.9:	Min dan Sisihan Piawai Bagi Identiti.	92
Jadual 4.10:	Min dan Sisihan Piawai Bagi Sikap.	93
Jadual 4.11:	Min dan Sisihan Piawai Bagi Persepsi.	95
Jadual 4.12:	Statistik Kebolehpercayaan Bagi Setiap Pembolehubah.	97

Jadual 4.13:	Nilai Pekali Korelasi Pearson Antara Pembolehubah Bebas dan Bersandar.	99
Jadual 4.14:	Ringkasan Model.	102
Jadual 4.15:	ANOVA.	102
Jadual 4.16:	Pekali.	102
Jadual 5.1:	Nilai Pekali Korelasi Person Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.	107
Jadual 5.2:	Nilai Pekali Korelasi Person Identiti Diri.	111
Jadual 5.3:	Nilai Pekali Korelasi Person Sikap Usahawan IKS Bumiputera	114

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1:	Fasa Pelan Induk Ketiga.	23
Rajah 2.2:	Trend Peningkatan Eksport Produk Halal Malaysia.	23
Rajah 2.3:	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi.	31
Rajah 2.4:	Carta Aliran Prosedur Pensijilan Halal Malaysia	40
Rajah 2.5:	Cara Pembentukan Identiti.	51
Rajah 3.1:	Kerangka Penyelidikan.	66
Rajah 4.1:	Taburan Responden Mengikut Jantina.	82
Rajah 4.2:	Taburan Responden Berdasarkan Umur.	83
Rajah 4.3:	Taburan Jenis Perniagaan.	85
Rajah 4.4:	Taburan Purata Keuntungan Tahunan.	86
Rajah 4.5:	Taburan Tempoh Perniagaan Beroperasi.	87
Rajah 4.6:	Taburan Bilangan Pekerja.	88

SENARAI SINGKATAN

AIM	Amanah Ikhtiar Malaysia.
ID	Identiti Diri.
IHFC	International Halal Food Conference.
IKS	Industri Kecil dan Sederhana.
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri.
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri.
MIHAS	Malaysia International Halal Showcase.
S.A.W	Sallallahualaiwassalam.
S.W.T	Subhanahu Wataala.
SPSS	Statistical Package for Social Sciene.
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
WHF	World Halal Forum.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Makanan adalah sebahagian daripada kehidupan manusia untuk meneruskan kehidupan seharian. Justeru, bagi umat Islam makanan yang dimakan mestilah mematuhi kehendak syarak iaitu halal dan bebas daripada benda yang haram dan memudaratkan. Menurut Aziz (2010) mencari sesuatu yang halal untuk dimakan atau digunakan dalam kehidupan seharian merupakan suatu kewajipan ke atas setiap orang Muslim kerana mengambil yang halal itu dapat menambah cahaya iman dan termakbulnya doa serta diterima amal ibadah, sebagaimana memakan yang haram boleh menghalang doa dan ibadat dari diterima oleh Allah SWT. Oleh itu, mencari yang halal adalah kewajipan setiap umat Islam dalam pelbagai aspek khususnya dalam permakanan kerana pemakanan yang halal dapat mempengaruhi akhlak dan sahsiah umat Islam sebagai orang Muslim. Hal demikian menyebabkan industri halal menjadi satu fenomena perniagaan dan pengaruh yang luas dalam pasaran tempatan dan antarabangsa untuk memenuhi permintaan yang tinggi terhadap makanan halal.

Khan (2011) menyatakan bahawa jumlah permintaan pasaran halal dunia semakin berkembang lebih-lebih lagi populasi masyarakat Islam dunia semakin meningkat dianggarkan 30% daripada jumlah penduduk dunia. Sehingga kini terdapat sekitar 1.83 bilion orang Islam di seluruh dunia dan 1.5 bilion merupakan pengguna makanan halal dengan nisbah satu bagi empat orang pengguna ialah pengguna

makanan halal. Industri halal dunia kini dianggarkan bernilai lebih AS\$2 trillion setahun. Dengan jumlah yang begitu besar sudah tentu menghasilkan pendapatan yang lumayan kepada mana-mana pengusaha dan syarikat yang menumpukan perhatian secara serius dalam menghasilkan produk bersatus halal. Sehubungan dengan hal itu, Malaysia dilaporkan telah menguasai kira-kira 1% daripada pasaran makanan halal dunia yang berpontensi besar bernilai AS\$680 bilion (Khan, 2011).

Justeru, masyarakat Islam di Malaysia sentiasa bersedia dan menerokai industri halal yang dijangka memberikan pulangan dan peluang yang cerah untuk pasaran tempatan dan global. Tambahan pula, jumlah dagangan bagi pasaran halal dunia untuk makanan halal dianggarkan bernilai RM2 trilion setahun. Nilai halal cukup besar kepada pengeluar makanan dan produk di seluruh dunia malah boleh dikatakan pengeluar akan mengalami kerugian sehingga 60% jika produk yang di hasilkan tidak mempunyai sijil halal. Di Malaysia, pasaran industri halal mampu menjana ekonomi negara yang bernilai sehingga RM45 bilion menyebabkan usahawan bukan Islam turut berebut-rebut dalam mendapatkan sijil halal dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). JAKIM adalah agensi yang bertanggungjawab bagi pensijilan halal di Malaysia dan memastikan sesuatu produk yang dikeluarkan di pasaran bertepatan dengan konsep halal yang sebenar. Pengkhitirafan produk halal dan makanan amat penting untuk memaklumkan kepada pengguna bahawa produk yang dihasilkan adalah suci, bersih dan selamat (Khan, 2011). Hal demikian, menunjukkan bahawa industri halal menjadi keutamaan pengguna masa kini. Industri halal juga dapat membantu sektor peniagaan untuk lebih berdaya saing serta menjana ekonomi negara dan juga dapat membantu perkembangan perniagaan pengusaha

tempatan ke tahap yang lebih tinggi khususnya kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera.

Kesedaran usahawan Indudtri Kecil dan Sederhana (IKS) khususnya usahawan bumiputera dalam mendapatkan sijil halal berada tahap yang rendah. Hal ini dapat dikukuhkan dengan merujuk kepada Jadual 1.1 menunjukkan bahawa sepanjang 2009, bilangan permohonan sijil halal JAKIM bagi usahawan bumiputera adalah lebih rendah berbanding dengan usahawan bukan bumiputera.

Jadual 1.1: Statistik Permohonan Kelulusan Sijil Halal Bagi Bumiputera dan Bukan Bumiputera pada tahun 2009.

Status	Permohonan Sijil Halal	Kelulusan Sijil Halal
Bumiputera	622	301
Bukan Bumiputera	1,285	886
Jumlah	1,907	1,187

Sumber: Kosmo (2010).

Manakala menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr. Mashitah Ibrahim menegaskan bahawa terdapat kira-kira 70% daripada pemegang sijil halal adalah dikalangan peniaga bukan bumiputera. Ini menunjukkan bahawa peniaga bukan Islam yang memiliki sijil halal lebih tinggi daripada pengusaha Islam di Malaysia. Menurut beliau lagi kebanyakan peniaga yang beragama Islam mempunyai anggapan bahawa mereka orang Islam maka mereka tidak perlu mendapatkan sijil halal untuk produk yang dihasilkan (Sinar Harian, 2012).

Selain itu, penyertaan yang rendah dikalangan usahawan bumiputera disebabkan oleh prosedur pensijilan halal. Pensijilan halal Malaysia dikeluarkan oleh JAKIM diiktiraf di seluruh dunia mempunyai kriteria yang ketat. Ini kerana pensijilan halal penting bagi memastikan produk yang dijual di pasaran mengikut piawaian halal yang sebenar sejajar dengan kehendak syarak (Badrudin et al, 2011). Selain itu, berdasarkan kenyataan daripada penganjur acara forum *International Halal Integrity Alliance*, Hajjah Jumaatun menegaskan bahawa masih lagi terdapat jurang yang ketara dalam melaksanakan piawaian halal oleh usahawan IKS. Hal ini disebabkan oleh peniaga kecil yang berpangkalan di rumah mempunyai sumber terhad untuk mematuhi piawaian halal yang telah ditetapkan oleh JAKIM (Cyberita, 2012). Syarat-syarat yang terlalu ketat oleh JAKIM adalah wajar bagi memastikan pensijilan halal itu benar mematuhi piawaian halal yang dikehendaki dalam Islam.

Ketua Pengarah Standard Malaysia, Fadilah Baharin menegaskan bahawa kebanyakan peniaga menganggap bahawa halal berkaitan dengan bahan yang tidak mengandungi bahan-bahan daripada babi atau alkohol. Hal ini menyebabkan banyak syarikat gagal mendapat persijilan halal. Berdasarkan statistik, hampir 31% daripada lebih 4,000 syarikat yang melakukan permohonan untuk mendapatkan sijil halal menghadapi masalah kerana tidak memahami maksud halal yang meluas (Zainol, 2013).

Hal ini juga dinyatakan melalui statistik permohonan persijilan halal JAKIM pada tahun 2009 hingga 2010 menunjukkan bahawa permohonan yang diluluskan pada tahun 2009 iaitu 1,251 dan permohonan yang tidak diluluskan ialah 88,

manakala pada tahun 2010 permohonan yang diluluskan adalah sebanyak 1,806 dan permohonan pensijilan halal yang tidak diluluskan meningkat berbanding tahun 2009 iaitu berjumlah 158 (MAMPU, 2012) (rujuk Jadual 1.2).

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang diperoleh daripada keratan akhbar Harian Metro menunjukkan bahawa statistik pada tahun 2010 mengikut kategori Industri Kecil dan Sederhana (IKS) menunjukkan bahawa 734 usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di seluruh Malaysia termasuk produk makanan dan minuman telah membuat permohonan bagi mendapatkan pengiktirafan sijil halal. Namun begitu, hanya 565 daripadanya telah diluluskan dan selebihnya masih dalam proses atau ditolak (Selamat, 2012) (rujuk Jadual 1.3). Pada tahun 2012, JAKIM telah meluluskan sebanyak 1,285 daripada 2,170 permohonan sijil halal sepanjang tempoh 1 Januari sehingga 30 Jun (Utusan Malaysia, 2012)

Jadual 1.2: Permohonan Pensijilan Halal Yang Diluluskan Dan Tidak Diluluskan Bagi Tahun 2009 Hingga 2010.

Perkara	Tahun	
	2009	2010
Permohonan yang lulus	1,251	1,806
Permohonan yang gagal	88	158
Jumlah	1,339	1,964

Sumber: MAMPU (2012).

Jadual 1.3: Statistik Usahawan IKS Malaysia Mengikut Kategori Yang Telah Memohon Sijil Halal JAKIM 2010.

Kategori IKS	Pemohonan Pengesahan Sijil Halal			
	Permohonan Bersih	Dilulus	Gagal	Dalam Tindakan
Produk	734	565	17	152
Premis Makanan	87	44	3	40
Rumah Sembelihan	9	8	1	0
Logistik	1	1	0	0
Jumlah	831	618	21	192

Sumber: Selamat (2012).

Pertumbuhan industri halal semakin berkembang dan mempunyai peluang yang cerah dalam menjana ekonomi khususnya kepada usahawan IKS. Keperluan memiliki pensijilan halal adalah penting bagi memastikan pengeluaran produk halal walaupun prosedur pensijilan halal yang dianggap ketat perlu dipatuhi oleh usahawan IKS agar pensijilan halal tersebut boleh dipercayai oleh pengguna. Namun begitu, hakikat disebalik kesedaran yang rendah oleh IKS bumiputra perlu diberi perhatian dan pelbagai aspek perlu dilihat oleh semua pihak.

1.2 Pernyataan Masalah

Industri pembuatan dan pengeluaran makanan di Malaysia telah mengalami banyak perubahan. Peralihan dalam demografi, perubahan dalam gaya hidup dan permintaan terhadap makanan halal mempunyai kesan yang besar dalam sektor perniagaan.

Pasaran halal pada masa kini sangat meluas dan pertumbuhan industri halal semakin berkembang. Di Malaysia terdapat 60% daripada penduduknya adalah orang Islam dan sekiranya setiap individu tersebut dianggarkan membelanjakan sebanyak RM1 per kapita dalam satu hari untuk makanan, maka permintaan bagi produk halal adalah lebih daripada RM 5 bilion setahun (Talib, Zailani dan Zainuddin, 2010). Oleh yang demikian, pada tahun 1971 Malaysia menjadi negara pertama memperkenalkan status halal dan logo halal. Sejak tahun 2004, Malaysia telah memperkenalkan Standard Malaysia iaitu MS Halal 1500 serta diterima pakai oleh negara-negara yang lain. Standard ini meliputi piawaian halal mengenai pengeluaran, penyediaan, pengendalian dan penyimpanan makanan halal. Manakala, kualiti makanan merujuk kepada keselamatan, kebersihan dan makanan yang sihat. Produk halal perlu mengikuti syarat-syarat yang mana bahan tersebut tidak mengandungi bahan-bahan atau mana-mana bahagian daripada haiwan yang tidak halal untuk dimakan atau digunakan oleh umat Islam (Shaari dan Ariffin, 2010).

Sehubungan dengan itu, pensijilan halal adalah penting kerana ia adalah satu tanda untuk mengenalpasti bahawa produk yang dipasarkan memenuhi piawaian halal (Abdul et al, 2009). Rani and Siaw (2012) menyatakan bahawa status halal bagi sesuatu produk adalah salah satu pra-syarat untuk mencapai kejayaan kepada pengeluar makanan di Malaysia. Pensijilan halal bukan sahaja memberi jaminan kepada masyarakat Islam bahawa sesuatu makanan atau produk yang dihasilkan itu adalah halal mengikut syarak tetapi ia juga memberi implikasi yang besar kepada industri atau pengusaha tersebut. Selain itu, isu halal telah menjadi keutamaan kepada syarikat dan industri dalam mengeluarkan sesuatu produk demi memastikan produk yang dikeluarkan dapat diterima oleh masyarakat. Lantaran itu, halal telah

menjadi satu fenomena perniagaan di mana ia dapat mempengaruhi sektor perniagaan dalam mendapatkan pasaran yang meluas khususnya di kalangan pengusaha Islam.

Di samping itu, masyarakat bukan Islam juga mula menyedari bahawa halal merupakan simbol atau penanda aras bagi kualiti dan mutu sesuatu produk yang dikeluarkan oleh sesebuah syarikat (Muhammad, Saleh dan Mahmood, 2010). Hal ini juga dinyatakan oleh Riaz (2010) bahawa makanan dan minuman yang mengandungi pensijilan halal mudah diterima oleh pengguna Islam serta pengguna dari agama-agama lain. Justeru, aspek halal menjadi satu sistem kualiti dalam dunia perniagaan hari ini termasuk di peringkat global yang telah menarik pelanggan Muslim serta bukan Muslim.

Menyedari kepentingan dan potensi industri halal, usahawan IKS terutama Cina, India dan Melayu telah mengambil inisiatif dan kesempatan ke atas pertumbuhan yang kukuh ini. Bagi memenuhi permintaan industri halal, usahawan IKS perlu mematuhi piawaian halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (Rani and Siaw, 2012). Dalam menghasilkan makanan halal, terdapat dua perkara yang perlu dititikberatkan iaitu penggunaan bahan-bahan yang betul dan mengelakkan makanan itu daripada tercemar (Abdul et al, 2009). Justeru, usahawan IKS perlu mematuhi piawaian halal dalam penghasilan sesuatu produk sebelum dipasarkan.

Usahawan IKS tempatan terutama usahawan bumiputera dikehendaki memperolehi pensijilan halal bagi merebut peluang yang baik di sektor halal yang semakin berkembang pesat. Namun begitu, tahap kesedaran usahawan IKS bumiputera masih berada ditahap yang rendah dalam memperolehi pensijilan halal Malaysia walaupun permintaan terhadap produk halal semakin meningkat. Hal ini disebabkan oleh usahawan bumiputera merasakan bahawa mereka adalah Muslim dan mereka percaya bahawa keyakinan pelanggan mereka terhadap produk yang dihasilkan adalah halal. Selain itu, Abdul et al, (2009) menyimpulkan bahawa usahawan Muslim yang tidak memiliki pensijilan halal disebabkan oleh proses untuk mendapat pensijilan halal adalah ketat. Oleh yang demikian, mendorong kebanyakan usahawan IKS bumiputera tidak memohon dan memiliki sijil halal Malaysia.

1.3 Objektif Penyelidikan

Penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti persepsi usahawan bumiputera Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dikalangan usahawan bumiputera yang tidak memiliki pensijilan halal Malaysia. Objektif penyelidikan ini adalah:

- a) Mengkaji persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap prosedur pensijilan halal Malaysia.
- b) Mengenalpasti kepentingan identiti diri sebagai faktor penolakkan terhadap pensijilan halal Malaysia.
- c) Menganalisis sikap usahawan IKS bumiputera mengenai pensijilan halal Malaysia.

1.4 Persoalan Penyelidikan

- a) Adakah prosedur pensijilan halal Malaysia mempengaruhi persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia?
- b) Adakah identiti diri sebagai faktor penolakan memberi kesan kepada persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia?
- c) Sejauh manakah sikap usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia?

1.5 Skop Penyelidikan

Penyelidikan ini memfokuskan terhadap Industri Kecil dan Sederhana (IKS) khususnya usahawan bumiputera di Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah. Usahawan IKS bumiputera yang dipilih sebagai responden dalam penyelidikan ini adalah dikalangan usahawan yang menceburi industri makanan. Kebanyakan usahawan IKS bumiputera ini tidak memohon pensijilan halal Malaysia untuk produk yang dihasilkan oleh mereka.

1.6 Kepentingan Penyelidikan

Penyelidikan ini melihat kepada persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) khususnya usahawan bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia yang boleh memberi kesan kepada industri makanan halal di Malaysia. Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk menyumbang untuk penyelidikan kepada ahli-ahli akademik

dan juga menyediakan peluang untuk penyelidikan pada masa hadapan. Selain itu, ia menyumbang kepada badan ilmu pengetahuan dengan mengenalpasti ciri-ciri yang mempengaruhi persepsi usahawan bumiputera terhadap pensijilan halal khususnya usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera yang belum memohon pensijilan halal Malaysia dengan membuktikan bahawa penentu prosedur pensijilan halal, identiti diri dan sikap mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan IKS bumiputera dan juga memberi pengetahuan yang penting untuk usahawan-usahawan IKS yang lain dan juga industri makanan halal di Malaysia.

Di samping itu, penyelidikan ini berhasrat untuk menyumbang kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengenai persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap persijilan halal yang dikeluarkan oleh agensi tersebut. Selain itu, penyelidikan ini dapat memberi panduan kepada JAKIM bagi meningkatkan perkhidmatan yang lebih baik di masa hadapan dan mengatur strategi dalam usaha untuk menarik lebih ramai usahawan IKS khususnya dikalangan usahawan bumiputera untuk memiliki sijil halal bagi merealisasikan hasrat Malaysia untuk muncul sebagai hub halal dunia.

1.7 Limitasi Penyelidikan

Penyelidik menghadapi beberapa kekangan sepanjang penyelidikan ini dijalankan antaranya adalah penyelidik menghadapi kekangan dalam mencari masa yang sesuai untuk mengumpulkan usahawan IKS bumiputera bagi mengedarkan borang soal

selidik kepada responden yang bersesuaian. Selain itu, penyelidik kurang mendapat kerjasama daripada responden dalam mendapatkan maklumat.

1.8 Rumusan

Bab ini menyentuh mengenai isu halal berkaitan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera yang mana secara umumnya menerangkan keseluruhan penyelidikan ini. Selain itu, penyelidikan membincangkan mengenai pengetahuan mengenai latar belakang masalah dan pernyataan masalah yang berkaitan dengan isu halal, usahawan IKS bumiputera dan pensijilan halal Malaysia. Bab ini juga menjelaskan mengenai objektif penyelidikan, persoalan penyelidikan, skop penyelidikan dan kepetingan penyelidikan yang hendak dicapai oleh penyelidik. Bab seterusnya akan membincangkan dengan lebih mendalam mengenai penyelidikan ini dalam ulasan karya.

BAB DUA

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Bab ini memberikan penerangan ringkas mengenai ulasan karya yang melibatkan penyelidikan ini. Ulasan karya mengenai penyelidikan lepas yang telah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik yang terdahulu bagi tujuan membantu dan mengenalpasti arah tuju penyelidikan ini. Selain itu, bahan rujukan yang digunakan adalah seperti jurnal yang berkaitan, buku-buku, artikel dalam talian dan semua sumber mengenai skop penyelidikan.

2.2 Halal

2.2.1 Takrifan

Perkataan halal berasal daripada perkataan arab yang bermaksud dibenarkan atau sah di bawah undang-undang Islam (Jusmaliani dan Nasution, 2010). Menurut Dahalan (2008) menyatakan bahawa halal adalah dibenarkan atau dibolehkan manakala haram bererti ditegah atau dilarang dan syubhah membawa maksud diragui sama ada ianya halal ataupun haram. Berdasarkan perundangan Islam halal merujuk kepada barangan makanan dan produk yang dibenarkan dan sah di sisi undang-undang Islam serta boleh dimakan. Salman dan Siddiqui (2012) berpendapat bahawa halal merujuk kepada semua perbuatan dan perkataan yang selaras dengan firman Allah S.W.T dan

ajaran dan teladan Nabi Muhammad S.A.W iaitu merujuk kepada al-Quran dan Sunnah.

Berdasarkan Halal Malaysia (2013c) takrif halal mengikut Perintah Perihal Dagangan 2011 adalah makanan, barangan atau perkhidmatan yang menggunakan perkataan halal atau mana-mana istilah lain yang menunjukkan ia boleh digunakan oleh orang Islam iaitu:

- a) Tidak mengandungi apa-apa bahagian atau benda yang terhasil daripada binatang yang dilarang mengikut hukum syarak atau tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- b) Tidak mengandungi unsur najis mengikut hukum syarak.
- c) Tidak memabukkan mengikut hukum syarak
- d) Tidak mengandungi bahagian atau anggota manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan mengikut hukum syarak
- e) Selamat digunakan atau dimakan, tidak beracun atau tidak memudaratkan kesihatan.
- f) Tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan dicemari najis mengikut hukum syarak.
- g) Semasa penyediaan, pemprosesan atau penyimpanan tidak bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang dilarang dalam Islam atau terdapat unsur-unsur najis.

Selain itu, terdapat beberapa surah atau ayat-ayat dalam al-Quran yang mengulas tentang kewajiban pemakanan yang halal dan sihat seperti Surah al-Baqarah dan surah al-Maidah.

“Hai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah, jika benar-benar hanya kepada-Nya kamu menyembah” (Terjemahan surah al-Baqarah, ayat 172).

“Pada hari ini dihalalkan bagimu yang baik-baik. Makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi al-Kitab itu halal bagimu, dan makanan kamu halal pula bagi mereka” (Terjemahan surah al-Maidah, ayat 5).

2.2.2 Ciri-Ciri Halal

Perundangan Islam menganggap semua makanan adalah halal pada asasnya melainkan jika ia dilarang dalam al-Quran. Senarai makanan yang diharamkan termasuk alkohol, daging babi, darah, bangkai dan daging yang belum disembelih mengikut hukum syarak. Rahman, *et al.*, (2011) menyatakan bahwa makanan halal bermaksud makanan dan minuman atau bahan-bahan yang dibenarkan di bawah undang-undang Syariah dan memenuhi perkara-perkara berikut berdasarkan Standard Malaysia 1500:2009 (2009):

- a) Tidak mengandungi mana-mana bahagian haiwan yang tidak halal atau tidak disembelih menurut undang-undang Syariah.
- b) Tidak mengandungi najis.

- c) Selamat untuk penggunaan, tidak beracun, bukan memabukkan atau membahaya kepada kesihatan.
- d) Tidak disediakan, diproses atau dikilang dengan menggunakan peralatan yang tercemar dengan najis.
- e) Tidak mengandungi mana-mana bahagian manusia atau seupamanya yang tidak dibenarkan.
- f) Semasa penyediaan makanan, pemprosesan, pengendalian, pembungkusan penyimpanan, dan pengedaran, makanan yang halal mesti dipisahkan daripada makanan lain yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam perkara a, b, c, atau e atau perkara-perkara lain yang telah disahkan najis oleh undang-undang Syariah.

Konsep halal bukan sahaja untuk makanan malah meliputi pelbagai jenis barangan dan perkhidmatan yang termasuk pertanian, fesyen, kosmetik, perbankan dan banyak lagi. Bagi produk yang halal adalah meliputi secara keseluruhan atau sebahagian iaitu merujuk kepada Malaysian Standard 1500:2009 (2009):

- a) Bebas dan tidak mengandungi apa-apa bahan atau bahan yang diambil atau diekstrak dari haiwan yang haram.
- b) Dibuat, diproses, dikeluarkan, atau disimpan dengan menggunakan perkakas, peralatan atau jentera yang telah dibersihkan mengikut undang-undang Islam.
- c) Tidak pernah bersentuhan dengan, telah disentuh oleh atau berdekatan dengan bahan haram semasa penyediaan, pengeluaran, pembuatan, pemprosesan atau penyimpanan.

2.2.3 Tujuan Konsep Halal

Pergertian halal dalam Islam mempunyai tujuan yang sangat khusus iaitu (Talib, Zailani, dan Zainuddin, 2010):

- a) Untuk memelihara kesucian agama.
- b) Untuk melindungi mentaliti Islam.
- c) Untuk mengekalkan kehidupan.
- d) Untuk melindungi harta.
- e) Untuk melindungi generasi masa depan.
- f) Untuk mengekalkan kehormatan diri dan integriti.

2.2.4 Konsep Halalan Toyyiban

Konsep *halalan toyyiban* bermaksud makanan itu adalah halal, bersih serta selamat untuk dimakan. *Toyayiban* adalah aspek kualiti yang tertinggi dalam konsep halal. *Halalan* dan *toyayibban* menggambarkan simbol mengenai kebersihan, keselamatan dan kualiti dalam pemakanan. Malah, standard halal dan *toyayiban* adalah sinonim dengan kualiti yang sangat tinggi. Penghasilan produk *halalan toyyiban* telah menjadi satu strategi utama dalam perniagaan. Hal ini sejajar dengan firman Allah S.W.T. dalam surah *al-Baqarah* ayat 168 yang bermaksud (Dahalan, 2008):

“Wahai sekalian manusia! makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.” (Terjemahan suruh al-Baqarah, ayat 168).

Ungkapan ini merujuk kepada konsep *halalan toyyiban* yang disebut dalam ayat di atas yang mana berkait rapat dengan soal pemakanan yang menjadi keperluan harian manusia. Konsep *halalan toyyiban* ini juga turut mengambil kira sumber kewangan bagi mendapatkan makanan tersebut. Selain itu, kaedah penyediaannya perlu di beri perhatian dari aspek penggunaan peralatan, prosesan, penyimpanan, pembungkusan dan kawasan persekitaran hendaklah bebas daripada najis serta mematuhi tahap amalan kebersihan yang ditetapkan. Satu kesilapan jika menganggap bahawa makanan halal hanya sekadar ianya bukan daripada binatang yang diharamkan atau binatang tersebut disembelih secara Islam. Malahan setiap aspek dalam status halal dan aspek *toyyiban* perlu dititikberatkan dalam setiap aspek pengeluaran produk (Dahalan, 2008).

Walau bagaimanapun, makanan yang halal tidak boleh dianggap sebagai halal sehingga mereka disahkan halal oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab dalam pengeluaran pensijilan halal Malaysia kerana kebarangkalian pencemaran dalam makanan akan berlaku (Salman dan Sidiqqi, 2011). Keadaan ini boleh berlaku sepanjang proses penyediaan, pembuatan, pemprosesan, pembungkusan dan penghantaran. Produk makanan yang dibuat daripada haiwan yang halal tidak lagi halal jika mereka telah tercemar oleh produk yang haram. Oleh itu, masyarakat Islam perlu peka terhadap bahan-bahan atau makanan yang siap diproses mengandungi bahan-bahan yang diharamkan atau sebaliknya.

2.3 Usahawan Industri Kecil Dan Sederhana (IKS)

2.3.1 Definisi Usahawan IKS

Terdapat pelbagai definisi yang ditakrifkan terhadap Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Di Malaysia, IKS dibahagi kepada 3 kategori iaitu Mikro, Kecil dan Sederhana. Terdapat berbagai-bagai definisi yang digunakan untuk menjelaskan ketiga-tiga kategori ini berdasarkan keperluan masing-masing. Pada umumnya faktor yang digunapakai untuk membezakan IKS ini adalah berdasarkan jumlah modal, jumlah jualan atau bilangan pekerja sepenuh masa. Namun begitu, Small and Medium Enterprises Corporation (2013) mendefiniskan IKS berdasarkan seperti Jadual 2.1.

Jadual 2.1: Definisi IKS

Sektor	Firma Mikro	Firma Kecil	Firma Sederhana
Perkilangan, Perkhidmatan berkaitan Perkilangan Industri Asas Tani	Jumlah jualan yang kurang dari RM250 ribu atau pekerja sepenuh masa kurang dari 5 orang.	Jumlah jualan antara RM250 ribu hingga RM10 juta atau pekerja sepenuh masa antara 5 hingga 50 orang.	Jumlah jualan antara RM10 juta hingga RM25 juta atau pekerja sepenuh masa antara 51 hingga 150 orang.
Perkhidmatan, Pertanian Asas Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Jumlah jualan yang kurang dari RM200 ribu atau pekerja sepenuh masa kurang dari 5 orang.	Jumlah jualan antara RM200 ribu hingga RM1 juta atau pekerja sepenuh masa antara 5 hingga 19 orang.	Jumlah jualan antara RM1 juta hingga RM5 juta atau pekerja sepenuh masa antara 20 hingga 50 orang.

2.3.2 Klasifikasi Mengikut Sektor

Berdasarkan Small and Medium Enterprises Corporation (2013) terdapat beberapa klasifikasi IKS mengikut sektor iaitu:

1) Pembuatan

Pembuatan merujuk kepada transformasi bahan atau komponen secara fizikal atau kimia yang membentuk produk baharu.

2) Perkhidmatan

Perkhidmatan merujuk kepada semua jenis perkhidmatan termasuk perdagangan edaran; hotel dan restoran; perniagaan, professional dan perkhidmatan ICT; pendidikan swasta dan kesihatan; hiburan; perantaraan kewangan; dan perkhidmatan berkaitan pembuatan seperti penyelidikan dan pembangunan, logistik, pergudangan, kejuruteraan dan lain-lain.

3) Terdapat 3 aktiviti ekonomi utama iaitu:

a) Pertanian Asas

- Tanaman kekal (getah, minyak sawit, koko atau lada) dan tanaman kontan (sayur-sayuran dan buah-buahan)
- Penternakan
- Perhutanan dan pembalakan
- Perikanan laut
- Akuakultur

b) Pembinaan

- Infrastruktur

- Kediaman & bukan kediaman
 - Perdagangan khas
- c) Perlombongan dan Pengkuarian

2.4 Industri Makanan Halal

Bagi umat Islam, makanan mempengaruhi keperibadian dan akhlak seseorang. Oleh yang demikian, makanan yang dimakan mestilah halal dan bebas daripada unsur-unsur yang tercemar. Justeru, konsep halal dikaitkan dengan produk-produk makanan yang mempunyai kualiti yang tinggi dari segi kebersihan serta mematuhi kehendak syarak. Permintaan terhadap makanan halal terutama di Malaysia semakin meningkat dengan perkembangan penduduk Islam sebanyak 60% serta peningkatan penduduk Islam di seluruh dunia kira-kira 2 bilion dan industri makanan halal dianggarkan berjumlah US \$547 bilion setahun (The German Chamber Network, 2012). Kesedaran dan kepentingan dalam produk halal juga telah berkembang dengan ketara di kalangan orang bukan Islam. Malah, kuasa beli di kalangan negara-negara bukan Islam juga semakin meningkat.

Melihat daripada perkembangan industri makanan halal, Malaysia adalah sebahagian negara yang komited dengan pengeluaran produk dan perkhidmatan halal. Selain itu, Malaysia juga mensasarkan untuk menjadi hub halal global bagi pengeluaran dan perdagangan produk serta perkhidmatan halal. Kesedaran dan permintaan untuk produk dan perkhidmatan halal di Malaysia dan di peringkat global bermula pada awal tahun 2000. Walau bagaimanapun, dari laman web dan surat khabar

menunjukkan bahawa permulaan halal bermula pada tahun 2005 kerana terdapat banyak organisasi forum halal, dialog, seminar dan persidangan seperti *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *World Halal Forum (WHF)*, *World Halal Research Summit* dan *International Halal Food Conference (IHFC)* yang telah diadakan dalam tahun tersebut (Khazizul Maulod, Sabariah dan Syed Jamal Abdul Nasir, 2012).

Oleh yang demikian, industri makanan halal di Malaysia banyak menyediakan peluang yang besar bagi usahawan-usahawan tempatan. Pada tahun 2006-2010 kerajaan Malaysia telah merancang melalui pembangunan ekonomi dengan mewujudkan agensi-agensi untuk mempromosikan negara ini sebagai pusat makanan halal bagi memenuhi keperluan pemakanan Islam dan meluluskan cara penyembelihan haiwan mengikut hukum syarak (Alfi Khairiansyah, Abdul Rahman, Jawdat dan Ahmed Abdulaziz, 2011). Selain itu, berdasarkan Bohari, Hin dan Fuad, (2013) strategi dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menyokong pembangunan industri halal seperti yang dinyatakan dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua, 1996 – 2005; Dasar Pertanian Negara, 1998 - 2010; Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), 2006 - 2010; dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga, 2006 - 2020.

Tinjauan yang positif terhadap kelebihan daya saing di Malaysia dalam industri makanan halal adalah langkah yang diambil oleh kerajaan. Antaranya adalah konsep Pelan Induk Halal menangani isu-isu pensijilan, sektor pembangunan, integriti halal, pelaksanaan, jangkamasa dan tanggungjawab. Manakala fasa Pelan Induk Ketiga


(Rajah 2.1). Pelan Induk Perindustrian Ketiga, 2006 menganggarkan nilai tahunan pasaran global bagi kedua-dua makanan dan produk halal adalah USD2.1 trilion (Bahli, 2011).

Rajah 2.1: Fasa Pelan Induk Ketiga.

FASA 1: 2008-2010	FASA 2: 2011-2015	FASA 3: 2016-2020
Membangunkan Malaysia sebagai pusat global untuk integriti halal dan menyediakan industri untuk pembangunan	Menjadikan Malaysia sebagai salah satu lokasi pilihan untuk perniagaan halal	Meluaskan kawasan syarikat-syarikat tempatan

Sumber: Bahli, 2011.

Rajah 2.2: Trend Peningkatan Eskport Produk Halal Malaysia.



Sumber: Halal Develepment Corporation (2012).

Selain itu, Malaysia giat mempromosikan dan mengeskport produk dan makanan halal ke peringkat global. Berdasarkan Rajah 2.2 menunjukkan bahawa peningkatan

produk halal Malaysia yang dieksport ke negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam menunjukkan bahawa peningkatan dari tahun 2010 yang dianggarkan sebanyak 6% iaitu US \$1.3 bilion meningkat pada tahun 2011 sebanyak 9% iaitu US \$7.3 billion dalam pengeluaran produk halal.

Oleh yang demikian, kerajaan menggalakkan penubuhan dan pembangunan halal dikalangan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Pencapaian industri halal di Malaysia mengalami peningkatan yang memberangsangkan. Oleh itu, satu standard halal diperlukan bagi memastikan setiap produk adalah halal maka pensijilan halal diperlukan oleh pengusaha tempatan bagi merialisasikan Malaysia sebagai hub halal global. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dipertanggungjawab sebagai agensi yang mengeluarkan pensijilan halal kepada usahawan-usahawan tempatan.

Produk makanan yang mempunyai sijil halal telah menambah nilai pasaran di Malaysia. Oleh itu, kebanyakan peruncit, pengendali perkhidmatan makanan dan pengeluar makanan diminta untuk memiliki sijil halal. Dengan penekanan yang diberikan oleh kerajaan untuk mempromosikan Malaysia sebagai hab halal antarabangsa, Malaysia bekerjasama dengan negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam untuk menjadikan Standard Halal Malaysia sebagai satu penanda aras bagi standard antarabangsa untuk produk-produk halal. Hal demikian dijangka akan terus menyumbang kepada penerimaan produk makanan halal Malaysia di peringkat global (The German Chamber Network, 2012).

Industri halal di Malaysia telah menyediakan peluang yang besar kepada pengeluar di Malaysia. Hal ini kerana pasaran industri halal dianggarkan bernilai antara USD600 bilion dan USD2.1 trilion. Bilangan syarikat yang mempunyai sijil halal mula berkembang dan pada tahun 2010, ia meningkat dengan ketara sebanyak 20%, daripada 1,399 syarikat pada tahun 2009 kepada 1,679 syarikat. Hal ini menunjukkan bahawa sebanyak 65% daripada industri halal ini adalah daripada industri makanan (World Halal Research, 2013). Oleh itu, kerajaan mengesa usahawan-usahawan tempatan terutama usahawan bumiputera bagi mendapatkan pensijilan halal Malaysia kerana peluang yang ada dalam industri halal amat besar bukan sahaja di peringkat tempatan malah diperingkat global sejajar dengan peningkatan dan permintaan terhadap produk halal di seluruh dunia.

2.4 Pensijilan Halal Malaysia

Pensijilan halal merujuk kepada pemeriksaan bagi pengeluaran dari peringkat penyediaan, kaedah penyembelihan, bahan-bahan yang digunakan, pembersihan, pengendalian, pemprosesan, pengangkutan dan pengedaran. Bagi pemeriksaan yang lebih mudah, masyarakat Islam menubuhkan institusi yang bertanggungjawab terhadap pensijilan halal bertujuan untuk memerhatikan keseluruhan proses pengeluaran makanan dan syarikat yang menyediakannya (Jusmaliani dan Nasution, 2010). Pensijilan ini adalah untuk meyakinkan pengguna Islam terhadap produk-produk yang dipasarkan adalah halal.

Pada tahun 1982, satu agensi Jawatankuasa Penilaian Makanan, Minuman dan Barangan (kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ditubuhkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab untuk memeriksa dan menanamkan kesedaran halal di kalangan pengeluar makanan, pengedar dan pengimport (Talib, Zailani, dan Zainuddin, 2010). Pada Jun 2008 JAKIM merupakan bidang induk pengurusan pensijilan halal di negara ini. Perkembangan pesat industri makanan halal dunia menuntut agar JAKIM meningkatkan kualiti pengurusan persijilan halal supaya ia dapat memenuhi kehendak pelanggan. Beberapa penambahbaikan telah dilakukan dari masa ke semasa bagi memastikan sijil halal JAKIM berkualiti dan mampu bersaing serta diiktiraf di peringkat global. Antara usaha yang telah dijalankan ialah penyelarasan prosedur pengesahan halal di seluruh negara. Aktiviti ini melibatkan semua prosedur berkaitan dengan pengesahan halal meliputi aspek pemeriksaan, bentuk logo halal, borang permohonan sijil halal dan kadar yuran yang dikenakan (Muhammad, Saleh dan Mahmood, 2010).

Sehubungan itu, bagi meningkatkan kualiti pensijilan halal di peringkat nasional, JAKIM telah bekerjasama dengan SIRIM melalui Jabatan Standard Malaysia untuk merangka dan menggubal standard yang diguna pakai di Malaysia iaitu MS1500:2004. MS1500:2004 merupakan standard kualiti yang menjadi garis panduan serta rujukan oleh industri-industri di Malaysia. Keperluan yang terdapat di dalam standard ini wajib dipatuhi sebelum JAKIM membuat pengesahan halal terhadap sesuatu permohonan pensijilan halal di samping memenuhi keperluan yang digariskan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia. Kedua-dua dokumen ini merupakan dokumen rujukan rasmi yang digunakan sebagai penanda aras dalam

proses mendapatkan pensijilan halal JAKIM. Standard ini telah berjaya meletakkan Malaysia sebagai hub pengeluar produk halal dunia dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang unggul dalam menerajui isu halal dunia (Muhammad, Saleh dan Mahmood, 2010).

Pada tahun 2009 standard MS1500:2004 disemak semula. Sekarang Standard Malaysia untuk piawaian Makanan Halal dikenali sebagai MS1500:2009. Standard Malaysia adalah dokumen teknikal yang menetapkan keperluan minimum dan makanan yang mesti dipatuhi, bukan sahaja semasa pengeluaran, tetapi pada semua peringkat dalam pengeluaran dan rantai bekalan termasuk perolehan bahan-bahan mentah, logistik dan pengangkutan, pembungkusan dan pelabelan makanan dan sebagainya. Perkara tersebut adalah untuk memastikan kepentingan makanan menjadi selamat dan tidak beracun, memabukkan atau membahayakan kepada kesihatan (Rahman et al, 2011). Pelaksanaan standard halal ini memberi kepercayaan kepada pengguna terhadap produk halal.

Standard halal MS1500:2004 yang merangkumi pengeluaran makanan halal, penyediaan, pengendalian dan garis panduan penyimpanan umum adalah bagi semakan pertama pada tahun 2004. Pada Januari 2009, standard ini telah dikaji semula untuk semakan kedua oleh jawatankuasa khas dan pakar-pakar serta beberapa pengubahsuaian telah dibuat untuk semakan kedua yang dikenali sebagai MS1500:2009. Standard Malaysia iaitu MS1500:2009 telah dibangunkan di bawah Sistem Pembangunan Standard Malaysia yang di bawah tanggungjawab Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Standard Malaysia ini

merupakan satu daripada lima inisiatif kerajaan di dalam merealisasikan Malaysia sebagai pusat makanan halal (Rahman et al, 2011).

Skop Standard Malaysia mengandungi garis-garis panduan yang praktikal bagi industri makanan mengenai penyediaan dan pengendalian makanan halal (termasuk penambahan nutrien). Standard Malaysia bertujuan menyediakan peraturan asas bagi produk makanan serta perdagangan atau perniagaan makanan di Malaysia. Standard Malaysia digunakan oleh JAKIM sebagai asas untuk pensijilan halal tetapi akan ditambahkan dengan keperluan yang lainnya bagi melengkapkan proses pensijilan halal. Pensijilan halal ini telah melalui proses yang diselaraskan kepada keperluan standard antarabangsa sebagai contoh Pertubuhan Standardisasi Antarabangsa, di mana sistem pembangunan standard antarabangsa adalah asas persetujuan semua pihak yang berkepentingan seperti kerajaan, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan, penyelidik dan badan-badan professional (Halal Malaysia, 2013). Selain itu, pihak berkuasa yang bertanggungjawab dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia terhadap pensijilan halal selain daripada JAKIM adalah Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (Razalli, Abdullah dan Yusoff, 2012).

Pensijilan halal adalah penting kepada pengguna Islam dalam mengenalpasti produk makanan halal yang berada dalam pasaran adalah halal dan mematuhi pawaian halal yang ditetapkan dalam Islam. Permintaan dan peningkatan produk makanan yang mempunyai pensijilan halal semakin berkembang pesat diperingkat tempatan dan global. Malah industri makanan halal mempunyai peluang yang banyak diberikan

oleh kerajaan kepada usahawan IKS tempatan terutama kepada usahawan IKS bumiputera dalam meluaskan empayar perniagaan mereka. Oleh itu, kerajaan mengesa usahawan tempatan untuk memohon pensijilan halal Malaysia bagi merebut peluang yang ditawarkan dalam industri halal. Namun begitu, masih terdapat usahawan-usahawan terutama usahawan IKS bumiputera yang masih belum memohon pensijilan halal.

2.5 Persepsi

2.5.1 Teori Persepsi

Manusia mempunyai pemikiran dan penilaian yang berbeza terhadap permasalahan yang terjadi disekelilingnya. Hal ini disebabkan oleh persepsi yang berbeza diantara individu dengan individu yang lain begitu juga dengan usahawan IKS bumiputera dalam memberi persepsi yang berbeza diantara mereka mengenai pensijilan halal Malaysia. Persepsi dihasilkan melalui tanggapan, kesan atau penglihatan terhadap sesuatu perkara. Menurut Robbin dan Judge, (2013) persepsi adalah satu proses di mana individu mengatur dan menginterpretasikan sesuatu melalui kesan deria dalam memberi pengertian terhadap persekitaran yang mempengaruhi mereka. Manakala Jansson-Boyd (2010) berpendapat bahawa persepsi adalah cara di mana maklumat yang diperolehi daripada persekitaran melalui deria rangsangan yang diubah menjadi pengalaman. Persepsi juga adalah satu proses di mana tindak balas rangsangan yang dipilih, disusun dan ditafsirkan untuk memahami tentang sesuatu dan keadaan disekelilingnya.

Berdasarkan Teori Gestalt merupakan teori yang sering menjadi rujukan terhadap persepsi. Teori ini diperkenalkan oleh sekumpulan ahli psikologi Jerman pada tahun 1800an dan awal 1900an yang dikenali sebagai *Gestalt School of Psychology* atau lebih dikenali sebagai Teori Gestalt. Ahli psikologi Gestalt telah memperkenalkan hukum-hukum dalam teori ini untuk memahami konsep persepsi yang mempengaruhi individu dalam memberi persepsi tentang sesuatu perkara secara keseluruhannya. Hukum-hukum teori Gestalt adalah (Jansson-Boyd, 2010; Hoyer dan MacLinnis, 2010):

1) Hukum Angka dan Tanah

Individu memberi tafsiran melalui rangsangan yang berbeza daripada pengertian yang asal.

2) Hukum Persamaan

Individu lebih cenderung untuk mengklasifikasikan rangsangan yang mempunyai persamaan didalam kumpulan yang sama.

3) Hukum Keintiman


Mengklasifikasi setiap rangsangan berdasarkan elemen jarak dan hubungan. Rangsangan-rangsangan yang mempunyai hubungkait di antara satu sama lain akan diletakkan di dalam kumpulan yang sama.

4) Hukum Lengkap

Individu cenderung untuk meletakkan rangsangan terhadap sesuatu secara keseluruhan.

Teori Gestalt menggambarkan bagaimana individu memberi persepsi melalui pandangan visual. Melalui pandangan visual ini akan mempengaruhi individu dalam menafsirkan persepsi mereka terhadap perkara yang berlaku disekelilingnya (Jansson-Boyd, 2010). Selain daripada persepsi melalui pandangan visual, terdapat beberapa faktor yang membentuk dan mempengaruhi persepsi. Faktor-faktor ini terdapat pada *perceiver* atau objek atau sasaran atau tanggapan atau dalam konteks situasi di mana persepsi itu dibuat merujuk kepada Rajah 2.3. Apabila individu melihat sesuatu dan cuba untuk mentafsir apa yang dilihat maka tafsiran seseorang individu dipengaruhi oleh ciri-ciri keperibadian seperti sikap, personaliti, motif, minat, pengalaman masa lalu dan jangkaan (Robbin dan Judge, 2013).

Rajah 2.3: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi.



Sumber: Robbin dan Judge (2013).

Persepsi mempengaruhi individu dalam membuat keputusan sama ada positif atau negatif melalui rangsangan persepsi yang ditafsirkan dalam diri individu sendiri. Kecenderungan usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia dipengaruhi oleh rangsangan persepsi yang wujud dalam diri usahawan.

2.6 Prosedur Pensijilan Halal

2.6.1 Prosedur Pensijilan Halal.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menerbitkan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia yang meliputi prosedur permohonan, pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan yang berfungsi sebagai garis panduan bagi pengeluar makanan tanpa mengira saiz perniagaan (Talib, Zailani, dan Zainuddin, 2010). Jusmaliani dan Nasution (2010) menyatakan bahawa proses pensijilan halal adalah kompleks. Proses pensijilan halal bermula dari penyiasatan semua bahan-bahan makanan, prosedur pembersihan yang digunakan dalam pengeluaran dan pembungkusan. Pihak berkuasa kemudian menjalankan audit di semua tapak pengeluaran atau pemprosesan untuk mengesahkan pematuhan undang-undang pemakanan Islam. Setiap aspek produk dikaji dari bahan-bahan mentah yang mana mengenalpasti bahan-bahan yang dicampurkan ke dalam pembuatan dan pembungkusan. Sebaik sahaja produk makanan atau minuman telah menerima pensijilan halal maka produk tersebut dibenarkan dan sesuai untuk digunakan oleh umat Islam.

Berhubung dengan hal ini, industri makanan di Malaysia perlu mematuhi prosedur halal supaya ia boleh menerokai pasaran makanan global (Talib, Zailani, dan Zainuddin, 2010). Selain itu, faktor-faktor keselamatan makanan memainkan peranan yang penting dalam menentukan *halalan toyyibban* iaitu sihat, selamat, bersih, berkhasiat, berkualiti dalam aspek makanan. Bagi memastikan bahawa aspek-aspek ini tidak dipandang ringan, Malaysia telah menetapkan garis panduan makanan halal melalui MS1500: 2009 yang perlu dipatuhi bagi memohon pensijilan halal Malaysia (Halal Industry Development Corporation, 2013). Walaubagaimanapun, usaha untuk mendapatkan pensijilan halal, pengeluar atau pengusaha mesti mematuhi kebersihan dan kawalan kualiti yang ketat (Talib, Ali dan Jamaludin, 2008).

2.6.2 Syarat-Syarat Pensijilan Halal Malaysia

Permohon yang ingin mendapatkan pensijilan halal Malaysia perlu mematuhi kriteria atau syara-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak JAKIM. Berdasarkan manual prosedur pensijilan halal Malaysia mengandungi garis panduan pemeriksa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bertujuan untuk menjelaskan keperluan yang perlu dipatuhi dalam pengurusan pensijilan halal Malaysia (Halal Malaysia, 2013b):

1. Pemohon hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mempunyai lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan.
2. Premis hendaklah beroperasi sepenuhnya terlebih dahulu sebelum permohonan dibuat.
3. Pemohon hendaklah mengeluarkan atau mengendalikan produk halal sahaja serta mematuhi standard halal yang ditetapkan.

4. Pemohon hendaklah memastikan sumber bahan ramuan adalah halal dan memilih pembekal yang membekalkan bahan-bahan halal atau mempunyai sijil halal.
5. Permohonan yang tidak layak memohon adalah seperti berikut:
 - a) Sebarang permohonan yang tidak mempunyai standard rujukan.
 - b) Syarikat yang mengeluarkan dan mengedar produk halal dan tidak halal.
 - c) Produk yang tidak halal.
 - d) Produk farmaseutikal yang dibuat preskripsi oleh doktor.
 - e) Produk yang memberi implikasi negatif terhadap agama dan social seperti dadah, rokok, pewarna rambut, kuku dan lain-lain.
 - f) Baja dan makanan binatang.
 - g) Pinggan mangkuk dan bekas makanan atau minuman.
 - h) Produk yang menggunakan nama yang sinonim dengan produk tidak halal dan seumpama dengannya.
 - i) Produk siap luar negara yang dilabel semula tanpa menjalani apa-apa proses di Malaysia.
 - j) Penggunaan jenama yang sama bagi produk halal dan tidak halal.

2.6.3 Keperluan Am untuk Sijil Halal

Berdasarkan Halal Malaysia (2013b) pemohon pensijilan halal mesti mematuhi keperluan am yang telah ditetapkan bagi memenuhi syarat-syarat kelayakan permohonan. Keperluan am yang perlu dipatuhi adalah:

1. Setiap pengeluar atau pengilang atau premis makanan atau rumah sembelih hendaklah mengeluarkan produk yang halal sahaja.

2. Setiap syarikat yang memohon untuk mendapatkan sijil halal hendaklah memastikan sumber bahan adalah halal dan mereka mesti memilih pembekal atau sub-kontraktor yang hanya membekalkan barang halal atau mempunyai sijil pengesahan halal.
3. Semua syarikat mesti memastikan bahawa prosedur halal dipatuhi dalam segala aspek seperti yang digariskan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.
4. Sesebuah syarikat yang disenaraikan di bawah Akta Industri Multinasional dan kategori Industri Kecil & Sederhana (IKS) hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Audit Halal Dalaman dan melantik seorang Eksekutif Hal Ehwal Islam yang mempunyai latarbelakang daripada pengajian Islam untuk menyelia dan memastikan pematuhan prosedur pensijilan halal.
5. Dikehendaki mempunyai sekurang-kurangnya dua pekerja tetap orang Islam yang warganegaraan Malaysia di bahagian dapur atau pengendalian atau pemprosesan makanan.
6. Produk mestilah bersih dan tidak mengandungi bahan-bahan yang tidak halal menurut undang-undang Islam, semasa penyediaan, pengendalian, pemprosesan, pembungkusan, atau pemindahan.
7. Peralatan yang digunakan di premis mestilah bersih dan bebas daripada pencemaran oleh kekotoran berdasarkan undang-undang Islam dan tidak menjejaskan kesihatan.
8. Pengangkutan yang digunakan mestilah khusus untuk penghantaran produk halal sahaja.
9. Kebersihan peralatan, pengangkutan, kawasan pembuatan dan persekitaran amatlah penting dan syarikat itu mesti mengamalkan amalan pengilangan yang baik.

10. Peralatan penyembahan agama tidak dibenarkan di premis atau kawasan pemprosesan makanan.
11. Pekerja mesti mengamalkan etika kerja dan amalan kebersihan yang baik seperti berikut:
- a) Semua pekerja mesti menerima suntikan tertentu di mana-mana pusat kesihatan yang diakui oleh kerajaan sebelum dan selepas diambil bekerja.
 - b) Semua pekerja mesti mengekalkan kesihatan yang baik dan kebersihan, terutama mereka yang bekerja sebagai operator pengeluaran.
 - c) Pekerja yang sakit atau cedera atau mengalami luka terbuka yang boleh menjejaskan kualiti pengeluaran tidak dibenarkan bekerja sehingga mereka telah pulih.
 - d) Sentuhan secara terus diantara tangan pekerja dengan bahan mentah dan keluaran separuh siap hendaklah dihindarkan.
 - e) Merokok, makan, minum atau menyimpan makanan, minuman, rokok atau ubat-ubatan mesti dilakukan di kawasan yang dikhaskan dan tidak dibenarkan di kawasan pengeluaran atau mana-mana kawasan lain supaya tidak menjejaskan kualiti pengeluaran.
 - f) Semua kakitangan yang memasuki kawasan pengeluaran mestilah memakai pakaian kilang yang betul atau pakaian yang bersih dan sopan. Ini terpakai kepada kakitangan tetap dan separuh masa, kakitangan pengurusan, pelawat dan sebagainya.
 - g) Pekerja mesti mengamalkan kebersihan yang baik dan memakai pakaian yang sesuai, penutup kepala dan mulut, sarung tangan dan kasut yang sesuai.
 - h) Pekerja mesti membasuh tangan mereka dengan menggunakan pembersih tangan yang sesuai:

- i) Sebelum memulakan apa-apa aktiviti pengendalian makanan.
- ii) Selepas menggunakan bilik air.
- iii) Selepas mengendalikan bahan mentah atau bahan yang tercemar dan lain-lain.
- i) Pekerja tidak dibenarkan memakai barang kemas, jam tangan dan sebagainya di kawasan pemerosesan makanan untuk mengelakkan pencemaran semasa proses pengendalian makanan.
- j) Pekerja hendaklah sentiasa bertugas dan berfungsi ditempat yang diarahkan seperti "*check point*" kualiti halal dan pembelian bahan mentah yang halal.
- k) Pekerja mesti bertanggungjawab dan komited untuk mematuhi polisi halal yang digariskan.

2.6.4 Prosedur Tambahan

Berdasarkan Halal Malaysia (2013b) prosuder tambahan perlu diikuti oleh pemohon sekiranya terdapat perubahan terhadap maklumat pensijilan halal. Perubahan tersebut adalah perubahan mengenai syarikat dan produk yang dikendalikan iaitu:

1. Perubahan nama syarikat dan alamat tanpa permohonan penempatan kilang mesti memaklumkan kepada JAKIM atau JAIN secara bertulis dan memulangkan sijil halal Malaysia dan menyediakan satu salinan sijil pendaftaran syarikat dan lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan. JAKIM atau JAIN boleh mengeluarkan sijil pengesahan halal yang baru mengikut perubahan yang dibuat, tertakluk kepada kelulusan daripada panel pengesahan halal.
2. Penempatan kilang termasuk perubahan daripada sub-kontraktor. Dalam kes penempatan kilang, sijil halal Malaysia akan dianggap terbatal dan sijil halal asal

mesti dikembalikan kepada JAKIM atau JAIN. Pemohon mesti memohon semula menggunakan maklumat di kilang baru. JAKIM atau JAIN akan memproses semula permohonan sijil halal.


2.6.5 Proses Aliran Kerja Sijil Halal

Proses aliran Kerja pensijilan halal yang perlu dipatuhi seperti berikut (rujuk Jadual 2.4) (Halal Malaysia, 2013b):

1. Daftar secara talian iaitu mewujudkan identiti diri (ID) dan password.
2. Pengesahan akaun akan diproses dalam tempoh 24 jam atau 1 hari.
3. Penghantaran dokumen sokongan dalam tempoh 5 hari bekerja selepas mengemukakan permohonan secara talian.
4. Setelah dokumen diterima, status permohonan akan menunjukkan bahawa dokumen lengkap sedang diproses.
5. Semakan akan dibuat jika dokumen-dokumen sokongan adalah lengkap, permohonan akan diproses dalam tempoh 1-5 hari bekerja mengikut bilangan produk atau menu atau premis. Satu surat mengenai yuran perkhidmatan yang dikenakan akan dikeluarkan. Jika dokumen sokongan tidak lengkap, status akan menunjukkan tidak lengkap dan pemohon mesti mengemukakan pembetulan atau memberi maklum balas dalam tempoh 5 hari bekerja.
6. Yuran proses mesti dibayar dalam tempoh 14 hari bekerja.
7. Resit akan dikeluarkan dalam tempoh 1 hari selepas pembayaran diterima.
8. Status permohonan akan menunjukkan proses sedang diaudit. Audit akan dijalankan dalam tempoh 30 hari selepas pembayaran diterima.

9. Persampelan akan diambil sekiranya premis didapati melakukan atau disyaki melakukan sebarang kesalahan atau penyelewengan.
10. Proses kelulusan tertakluk kepada tarikh mesyuarat oleh mesyuarat panel pensijilan. Jika diluluskan, sijil akan dikeluarkan dalam tempoh 5 hari bekerja. Dalam kes permohonan yang tidak mendapat kelulusan, pemohon akan dimaklumkan melalui surat rasmi.

Rajah 2.4: Carta Aliran Prosedur Pensijilan Halal Malaysia.



Sumber: Halal Malaysia (2013a)

2.6.6 Syarat-Syarat Untuk Pengeluar Produk.

Pemohon pensijilan halal perlu mengikuti syarat-syarat untuk pengeluar produk adalah seperti berikut (Halal Malaysia, 2013b):

1. Setiap pengeluar produk yang berminat untuk memohon perlu mengemukakan permohonan dan syarikat mesti mengendalikan, menyelia dan memproses produk halal sahaja.
2. Kandungan bahan mentah, produk diproses dan bahan tambahan mestilah halal. Barang-barang hendaklah sama seperti dalam senarai yang disebut dalam borang permohonan.
3. Kawasan di sekitar mestilah bersih dan tidak tercemar. Pembersihan Jadual mestilah betul dan sistematik.
4. Dalam proses pengeluaran dan peralatan mesti disimpan pada tempat yang selamat dan betul seperti yang dianjurkan.
5. Lokasi pengeluar produk halal hendaklah 5 km dari:
 - a) Pusat ternakan babi
 - b) Loji kumbahan najis.
6. Bahan pembungkusan tidak boleh diperbuat daripada bahan-bahan yang dianggap sebagai najis atau kotor oleh undang-undang Islam dan berbahaya kepada kesihatan.
7. Proses pembungkusan mesti dikendalikan dengan selamat dan bersih.
8. Setiap pembungkusan mesti dicetak dengan jelas untuk memudahkan pembacaan, tahan lama dan maklumat berikut perlu dimasukkan:
 - a) Nama atau jenama produk seperti yang dinyatakan dalam pensijilan halal.
 - b) Kandungan minimum dalam ukuran matrik.
 - c) Nama dan alamat pengilang atau pengedar dan cap dagangan.

- d) Senarai bahan ramuan.
 - e) Nombor kod menunjukkan tarikh atau nombor kumpulan pengeluaran atau tarikh luput.
 - f) Logo halal JAKIM atau JAIN atau MAIN.
9. Peralatan yang digunakan hendaklah bebas daripada apa-apa yang dianggap sebagai najis atau kotor dalam undang-undang Islam, tidak berbahaya dan tidak mempunyai kesan sampingan kepada produk.
 10. Kawasan Kilang hendaklah berpagar atau mengadakan mekanisma pengawalan bagi mencegah binatang sama ada peliharaan atau bukan dari memasuki atau berada didalam kawasan premis.

2.6.7 Keperluan Bagi Premis Makanan.

Merujuk kepada Halal Malaysia (2013b) mengenai keperluan bagi premis makanan perlu mematuhi perkara-perkara yang perlu diberi perhatian untuk tujuan pemeriksaan seperti berikut:

1. Sumber bahan-bahan yang mencurigakan seperti bahan mentah, bahan-bahan yang diproses atau bahan tambahan mesti dibuktikan dengan perakuan halal daripada badan-badan Islam yang diiktiraf.
2. Penyediaan bahan mentah dan bahan-bahan yang lain mesti memenuhi piawaian halal, kebersihan dan keselamatan seperti yang dikehendaki.
3. Bekalan ayam atau itik atau haiwan dari jenis yang sama mesti diperolehi daripada rumah penyembelihan yang mempunyai sijil halal daripada JAKIM atau JAIN atau MAIN.
4. Jualan alkohol dan jenis yang sama adalah dilarang.

5. Alat dan peralatan mestilah dibersihkan setiap kali sama ada sebelum dan selepas digunakan untuk memasak makanan halal.
6. Semua peralatan dan barang-barang disusun dengan cara yang kemas, bersih dan selamat.
7. Setiap pekerja digalakkan untuk menjalani latihan hidangan makanan dan halal.
8. Langkah-langkah keselamatan dan kebersihan perlu dipatuhi.
9. Penyimpanan bahan mentah dan produk siap sebelum atau selepas memasak hendaklah dikekalkan pada tahap yang memuaskan dari segi kebersihan dan keselamatan.
10. Mesti mempunyai simpanan untuk dipisahkan antara bahan mentah, basah dan kering dan susun atur bahan-bahan tersebut mesti betul.
11. Pengangkutan mesti digunakan untuk produk halal sahaja.
12. Segala yang berkaitan dengan pengendalian makanan seperti barangan, dapur, peralatan, penyimpanan, pembungkusan mestilah halal sahaja.

2.6.8 Keperluan Pensijilan dan Tanggungjawab Pengurusan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Sekiranya pemohon dikalangan usahawan IKS maka keperluan dan tanggungjawab pensijilan halal perlu dipatuhi seperti (Halal Malaysia, 2013b):

- a) Produk makanan atau minuman atau makanan tambahan.
- b) Bahan mentah atau ramuan yang berasaskan haiwan mestilah disahkan halal oleh JAKIM atau MAIN atau JAIN atau badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf. Salinan sijil halal hendaklah dilampirkan sebagai bukti pengesahan halal.

- c) Bahan siap mestilah disertakan dengan spesifikasi produk yang lengkap dan terperinci.
- d) Senarai bahan mentah yang digunakan dalam produk mestilah dinyatakan secara terperinci dalam boring permohonan.
- e) Bahan mentah atau ramuan hendaklah disimpan dalam stor yang berasingan dan tidak bercampur dengan bahan yang tidak halal.
- f) Pemohon bagi kategori usahawan IKS bertanggungjawab dalam pengurusan seperti melantik seorang penyelia Muslim dan minima seorang pekerja muslim dalam perusahaan tersebut.

2.6.9 Kadar Bayaran Perkhidmatan Pensijilan

Berdasarkan Halal Malaysia (2013b) kadar caj perkhidmatan adalah mengikut kategori yang telah ditetapkan dan tertakluk kepada perubahan dan segala kos yang melibatkan penyelidikan atau ujian makmal tentang status bahan ramuan produk ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon atau syarikat berkenaan. Bayaran akan dikenakan bagi setiap permohonan pembaharuan. Permohonan bagi produk tambahan selepas sijil halal dikeluarkan akan dikenakan bayaran seperti Jadual 2.2 dan 2.3. Bayaran pensijilan halal yang dikenakan adalah untuk tempoh dua tahun. Kelewatan membuat bayaran akan mempengaruhi proses lawatan pemeriksaan halal yang akan dijalankan ke atas kilang atau premis makanan. Kadar bayaran yang dikenakan bagi tempoh setahun kepada pemohon berdasarkan kategori-kategori seperti berikut:

Jadual 2.2: Kadar Caj Bagi Industri Pengeluar Produk.

Industri	Kadar (RM)
Industri Kecil	100.00 setahun
Industri Kecil & Sederhana (IKS)	400.00 setahun

Sumber: Halal Malaysia (2013b).

Jadual 2.3: Kadar Caj Premis Makanan, Restoran dan Katering.

Premis Makanan, Restoran dan Katering	Kadar (RM)
Setiap satu unit premis	100

Sumber: (Halal Malaysia, 2013b).

2.6.10 Kesalahan-Kesalahan Dalam Pensijilan Halal

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertanggungjawab untuk mengeluarkan pensijilan halal Malaysia kepada pengusaha dan peniaga. Namun begitu, JAKIM perlu memastikan semua kehendak yang ditetapkan di bawah standard halal MS 1500:2009 perlu dipenuhi sebelum sebarang produk halal diberikan sijil halal. Setelah sijil halal diberikan, pengeluar boleh menggunakan label halal pada produk mereka. Label halal yang dikeluarkan oleh JAKIM adalah suatu cap dagangan berdaftar di bawah Akta Cap Dagangan 1975. Produk yang memperolehi pensijilan halal mestilah mematuhi sepenuhnya standard halal. JAKIM akan menjalankan pemeriksaan pematuhan halal melalui pemantauan yang kerap sama ada melalui pemeriksaan mengejut atau penyeliaan atau komunikasi lisan dengan syarikat-syarikat yang terlibat. Dalam tempoh pasca pensijilan, apa-apa perubahan ditemui tanpa kelulusan JAKIM terlebih dahulu akan mengakibatkan sijil halal tersebut akan

digantung atau dibatalkan. Perubahan ini mungkin diklasifikasikan sebagai kesalahan kecil, besar atau serius (Fun, 2007):

1. Kesalahan kecil yang melibatkan kebersihan dan kebersihan.
2. Kesalahan besar yang melibatkan perubahan bahan-bahan, pengeluaran dan pembekal, jentera dan penempatan semula kilang.
3. Kesalahan serius yang melibatkan penggunaan bahan-bahan yang tidak halal seperti penyembelihan haiwan tidak halal, daging babi atau sekutunya dalam pengeluaran. Ini akan menyebabkan sijil dibatalkan dan syarikat yang akan didakwa di mahkamah.

Kesalahan-kesalahan di atas iaitu kecil dan besar akan menyebabkan sijil halal akan digantung dan tertakluk kepada pembetulan dan tindakan pembetulan oleh pengeluaran dan memerlukan pengemukaan semula permohonan (Fun, 2007).

2.6.11 Pemeriksaan Berkala Oleh JAKIM

Bagi mengekalkan tahap keyakinan pengguna kepada pihak berkuasa, JAKIM telah menggariskan beberapa garis panduan peperiksaan yang sangat ketat. Sekiranya pemeriksa yang dilantik berasa yakin dan berpuas hati terhadap sebarang keraguan yang munasabah dari segala aspek peperiksaan dan pengurusan yang telah dipatuhi maka status halal akan diberikan kepada produk tersebut. Sebaik sahaja pemeriksaan telah berjaya maka sijil halal akan dikeluarkan. JAKIM menganugerahkan status halal selama satu tahun sebagai penganugerahan awal. Setelah mendapat status halal, syarikat dikenakan pemeriksaan berkala sekali dalam setiap dua tahun (Masnono, 2005).

Walau bagaimanapun, kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat ini atau terdapat bukti pelanggaran dalam keperluan halal, JAKIM akan menarik balik status halal yang diberikan kepada syarikat dan juga menyekat pengiktirafan yang diberikan oleh organisasi Islam yang diiktiraf kepada syarikat tersebut. Sekiranya syarikat didapati tidak lagi berfungsi atau pendaftarannya telah dibatalkan oleh pihak berkuasa, JAKIM mempunyai hak untuk menarik balik sijil halal tersebut. Selain itu, JAKIM mempunyai kuasa untuk menggantung bagi suatu tempoh tidak kurang daripada lima tahun bagi mana-mana amalan yang tidak bertanggungjawab yang dijalankan oleh mana-mana syarikat yang diperakui.

Prosedur yang telah ditetapkan perlu dipatuhi oleh pengeluar bagi mencapai piawaian halal yang diperakui oleh semua pihak. Oleh itu, kerajaan tidak akan melonggarkan prosedur sedia ada bagi mendapatkan sijil halal. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, tiada sebab untuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melonggar prosedur yang ditetapkan kerana halal adalah tuntutan agama. Beliau menegaskan bahawa hal ini berkaitan dengan prosedur halal dan JAKIM tidak mahu berlaku penipuan jika sijil halal diberikan tetapi syarikat tersebut tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan (Utusan Malaysia, 2010).

Selain itu, JAKIM bertanggungjawab untuk menggalakkan pengusaha makanan untuk memohon sijil halal dan memastikan pengusaha tersebut mendapatkan pensijilan halal dengan berjaya. Kualiti perkhidmatan JAKIM sangat penting untuk menarik pengusaha dan bagi memastikan penglibatan secara aktif oleh pengusaha

makanan dalam aspirasi hub halal. Walau bagaimanapun, di sebalik usaha JAKIM untuk menggalakkan pengusaha makanan bagi mendapatkan sijil halal, terdapat juga pengusaha makanan yang masih tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan. Kadar kelulusan biasanya sekitar 70-80% yang didapati halal daripada keseluruhannya. Ketidakupayaan untuk mendapatkan pensijilan halal mungkin disebabkan oleh pengusaha makanan sendiri. Pengusaha makanan tersebut tidak memahami konsep halal sepenuhnya dan tidak jelas tentang keperluan dan proses permohonan pensijilan halal yang diperlukan oleh JAKIM (Badrudin, *et al.*, 2011).

2.6.12 Penyelidikan Lepas Mengenai Prosedur Pensijilan Halal

Berdasarkan penyelidikan yang dibuat oleh Abdul et al, (2009) mengenai Industri kecil dan sederhana (IKS) dan persepsi mereka terhadap pensijilan Halal. Data yang dikumpulkan dalam penyelidikan ini adalah secara soal selidik kepada 136 pemilik IKS di Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) dari 7-11 Mei 2008 dan Seminar Pensijilan untuk makanan mengeksport produk pada 18 Jun 2008 di MATRADE. Responden sasaran adalah pemilik usahawan IKS yang terlibat dalam menghasilkan makanan halal domestik, antarabangsa atau kedua-duanya. Penemuan daripada penyelidikan ini menunjukkan bahawa terdapat 64.9% daripada usahawan IKS ini memiliki pensijilan halal dan 44.3% beragama Islam. Walau bagaimanapun, tidak semua usahawan Muslim memiliki pensijilan halal. Dapatan penyelidikan mendapati hanya 56% usahawan dikalangan mereka yang memiliki pensijilan halal bersetuju bahawa prosedur mendapatkan pensijilan halal adalah ketat. Tambahan pula, usahawan IKS berpendapat sekiranya mereka menjual beberapa produk mereka perlu mendapatkan pensijilan bagi setiap produk yang dipasarkan. Hal ini akan

menyebabkan produk yang dikeluarkan menjadi sangat mahal. Selain itu, hasil dapatan penyelidikan mendapati sebahagian daripada usahawan yang berjaya untuk mendapatkan MS ISO 1500:2004 untuk kualiti makanan tidak meneruskan permohonan untuk mendapatkan pensijilan halal kerana usahawan IKS tersebut berpendapat bahawa tiada perbezaan antara standard kualiti makanan dengan pensijilan halal kerana mereka telah memenuhi standard kualiti yang sedia ada.

Selain itu, penyelidikan yang dibuat oleh Abdul, Ismail dan Mustapha (2013) mengenai persepsi usahawan IKS terhadap pensijilan makanan halal di Malaysia. Borang soal selidik telah diedarkan di kalangan usahawan IKS yang mengambil bahagian dalam Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (MIHAS) 2011 dari 26-28 februari yang berpangkalan di Pulau Pinang dan dari 6-9 April 2011 di Kuala Lumpur. Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa proses mendapatkan sijil halal tidak begitu ketat berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai sijil halal.

2.7 Identiti Diri

2.7.1 Konsep Identiti Diri

Bonne et al (2007) mendefinisikan identiti diri sebagai satu simbol terhadap seseorang untuk menggambarkan tentang dirinya. Manakala Stets dan Burke (2003) mendefinisikan identiti adalah seseorang yang mempunyai ahli kumpulan atau pemegang peranan atau individu. Leary dan Tangney (2012) pula mendefinisikan identiti adalah sifat atau ciri-ciri, hubungan sosial, peranan, dan ahli kumpulan sosial yang akan menentukan siapakah dirinya. Identiti diri juga boleh dikenalpasti oleh

seseorang dengan cara tertentu seperti imej diri, perasaan diri seseorang dan imej yang diambil dari rangsangan deria yang lain seperti bunyi, rasa atau gerak badan seseorang. Individu juga akan mengetahui tentang dirinya melalui tingkahlaku yang ada pada diri sendiri. Tambahan pula, identiti boleh dibezakan mengikut pelbagai kategori sosio-budaya seperti jantina, umur, bangsa, pekerjaan, kumpulan, status sosio-ekonomi, etnik, kelas, negara, atau wilayah serantau (Bamberg, 2010).


Menurut Davis (2008) identiti boleh ditakrifkan sebagai klasifikasi budaya iaitu bangsa, kaum, agama dan jantina serta boleh juga diklasifikasikan sebagai latarbelakang iaitu keluarga, kerjaya, dan kedudukan atau gelaran. Dalam erti kata yang lain identiti luaran didefinisikan melalui bagaimana kita mengenalpasti dan menampilkan diri dengan ciri-ciri yang dikurniakan kepada kita seperti klasifikasi kebudayaan iaitu warganegara, bangsa, agama dan jantina dan ciri-ciri latarbelakang iaitu keluarga, kerjaya, jawatan dan sebagainya. Kebanyakan individu hanya mendefinisikan faktor-faktor luaran untuk menggambarkan identiti sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat juga nilai dalaman untuk mengenali identiti seseorang. Identiti dalaman menggambarkan siapakah diri kita dari segi ciri-ciri keunikan yang ada pada diri seseorang itu seperti ciri-ciri fizikal, emosi, intelek dan rohani, bakat, kekuatan, keupayaan dan sebagainya.

Kesedaran identiti dalaman yang ada pada seseorang melibatkan pencarian dalam diri sendiri dan mengetahui apa yang tersirat dalam diri termasuk nilai-nilai teras dan kepercayaan. Semua keutamaan deria seseorang seperti rasa iaitu apa yang disukai untuk makan, sentuh iaitu apa yang disukai apabila menyentuh dan merasa, bau iaitu apa yang dikehendaki atau tidak menyenangkan deria seseorang, dan penglihatan

iaitu apa yang disukai dari segi warna, bentuk atau motif seni. Ini adalah keunikan yang ada pada identiti seseorang. Apabila identiti seseorang terbentuk daripada kedua-dua komponen dalaman dan luaran mereka lebih cenderung untuk menghargai keunikan yang ada pada diri mereka. Pembentukan identiti seseorang adalah satu proses evolusi yang seimbang daripada sumber dalaman dan luaran yang mentakrifkan siapakah dirinya. Kesedaran identiti yang ada pada diri seseorang membolehkan dia memilih jalan hidupnya.

Selain itu, Stets dan Burke (2003) menyatakan identiti diri dipengaruhi oleh masyarakat yang mempengaruhi tindakan seseorang. Masyarakat mempengaruhi individu melalui bahasa yang dikongsi atau melibatkan diri dalam interaksi sosial. Berdasarkan Jamaludin (2010) dalam teori Terapi Pusatan-Klien yang diperkenalkan oleh Roger pada tahun 1951 berpendapat bahawa konsep identiti adalah terdiri daripada gabungan di antara penilaian sendiri, penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya seperti yang dinyatakan dalam Rajah 2.5 di bawah.

Rajah 2.5: Cara Pembentukan Identiti.



Sumber: Jamaludin, (2010).

Oleh itu, identiti diri boleh ditakrifkan sebagai ciri-ciri yang agak kekal yang menggambarkan atau menyifatkan diri seseorang dan sinonim dengan persepsi diri. Individu mempunyai kecenderungan dalam proses membuat keputusan berlandaskan identitinya. Peranan identiti boleh ditakrifkan sebagai objek sosial tertentu yang mewakili satu dimensi diri. Keadaan ini berfungsi sebagai penghubung antara individu dan masyarakat.

Phalet, Baysu dan Verkuyten (2010) menegaskan bahawa sifat yang ada pada diri sendiri dan apa yang dilakukan sebahagian besarnya dipengaruhi oleh persekitaran dan masyarakat sekelilingnya iaitu berdasarkan pemerhatian tentang diri sendiri, siapakah dirinya, bagaimana orang lain bertindak terhadapnya, hasrat dan keinginan diri sendiri, dan penilaian terhadap diri sendiri. Selain itu, persekitaran budaya juga cenderung untuk membentuk diri seseorang. Budaya yang berbeza menghasilkan konsep identiti yang berbeza dalam masyarakat. Konsep yang berbeza ini akan mempengaruhi semua aspek tingkah laku yang ada pada diri individu tersebut. Dalam erti kata yang lain, budaya memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti dan imej diri. Sesetengah individu membina imej diri secara bebas tanpa dipengaruhi oleh ahli keluarga, manakala yang lain membangunkan identiti dengan dipengaruhi oleh ahli keluarga.

2.7.2 Identiti Sebagai Usahawan Muslim

Agama dianggap sebagai kepercayaan yang mana boleh membezakan sesuatu agama dengan agama yang lain dan ia dianggap sebagai identiti (Kilp, 2011). Bagi agama Islam, Muslim adalah lambang identiti untuk umat Islam. Maka, masyarakat Muslim

adalah penganut agama Islam. Muslim adalah sebahagian daripada identiti diri (Soesilowati, 2010). Islam bermaksud individu yang mempunyai kewajiban untuk bertindak dalam cara yang diterima dalam masyarakat Islam. Justeru, Islam terikat dalam hubungan yang sentiasa mempunyai panduan dan mempengaruhi tingkah laku sosial mereka (Salman dan Sidiqqi, 2011). Phalet, Baysu dan Verkuyten (2010) menyatakan bahawa identiti seseorang Muslim tidak hanya bergantung kepada penerimaan dan sokongan daripada orang Muslim yang lain sebagai sebuah ahli kumpulan tetapi ia dikawal oleh cara di mana orang Muslim dikenalpasti sebagai satu masyarakat yang luas.

Yusoff (2011) berpendapat bahawa agama Islam adalah satu cara hidup yang membentuk tingkah laku belandaskan agama Islam. Oleh itu, beliau mengatakan bahawa orang yang mempunyai agama memegang nilai-nilai tertentu yang mampu untuk mempengaruhi tindakan dan keputusan mereka. Dalam agama Islam, orang Muslim perlu mematuhi segala yang diperintah Allah S.W.T dan meninggalkan apa yang dilarang dalam kehidupan seharian. Oleh itu, penyediaan makanan juga perlu diambil perhatian oleh perniaga Muslim agar keseluruhan proses pengeluaran produk berlandaskan prinsip Islam. Pengusaha Muslim yang berpandukan prinsip-prinsip Islam akan menghasilkan produk atau perkhidmatan yang halal (al-Nahdi, 2008).

Setiap agama memberi penekanan dalam aspek pengambilan makanan dari segi larangan ke atas makanan tertentu seperti orang-orang Yahudi, sebagai contoh, mereka dilarang daripada memakan daging babi dan daging lembu adalah dilarang untuk penganut Hindu. Umat Islam juga turut dilarang memakan daging babi, darah,

dan haiwan yang belum disembelih dengan tidak menyebut nama Allah dan mereka tidak boleh minum minuman yang memabukkan (Soesilowati, 2010).

Di Malaysia, majoriti penganut agama Islam adalah berbangsa Melayu. Justeru, pengambilan makanan yang halal mewakili majoriti penduduk di Malaysia. Nilai-nilai seseorang Muslim secara langsung dan tidak langsung mempengaruhi gaya hidup masyarakat Melayu dalam hal pengambilan makanan (Hassan, 2011). Selain daripada masyarakat Melayu, terdapat pelbagai kaum, bangsa dan agama lain di Malaysia seperti kaum India dan Cina. Kesemua kaum-kaum tersebut turut mempunyai makanan yang dilarang oleh agama mereka sendiri. Makanan yang halal mempunyai peraturan seperti yang terdapat dalam al-Quran (Marzuki, Hall dan Ballantine, 2012). Justeru, seseorang Muslim yang ingin menjadi pengikut yang baik mesti mematuhi piawaian dan menjauhkan diri daripada makanan yang haram. Konsep halal di bawah undang-undang pemakanan Islam adalah tepat dan jelas. Malah, jumlah makanan yang dibenarkan adalah besar manakala yang dilarang adalah kecil tetapi dengan bersebab. Seseorang Muslim yang baik akan memberi lebih perhatian kepada apa yang mereka makan kerana pemakanan akan menjadi sebahagian daripada fizikal, mental dan rohani mereka (Marzuki, Hall dan Ballantine, 2012).

Semua orang mengambil berat tentang makanan yang mereka makan. Sebahagian daripada mereka mempunyai had batasan dalam pemakan seperti orang Muslim ingin memastikan makanan yang mereka makan adalah makanan halal. Sebaliknya, bagi masyarakat Muslim, halal bukan sekadar elemen jenama, sebaliknya ia adalah sebahagian daripada sistem kepercayaan dan kelakuan kod moral yang penting dalam

kehidupan harian (Wilson dan Liu, 2010). Kini terdapat pelbagai makanan halal di seluruh dunia bagi memenuhi permintaan dan kehendak syarak. Perkembangan makanan halal dapat membezakan tuntutan hak orang Islam sebagai identiti masyarakat Muslim bagi membezakan diri mereka dengan agama yang lain agar mencari makanan yang mengikut prinsip-prinsip Islam.

Bagi produk makanan, penetapan halal bererti bahan-bahan yang digunakan dalam pembuatan makanan tersebut adalah halal. Bahan mentah yang digunakan akan diperiksa untuk memastikan ia memenuhi piawaian halal. Halal adalah satu istilah yang digunakan secara eksklusif dalam Islam yang bermaksud dibenarkan atau sah di sisi undang-undang. Halal dan haram meliputi semua aspek kehidupan, tidak terhad kepada makanan dan minuman sahaja. *Halalan* dan *toyibban* menggambarkan simbol kebersihan, keselamatan dan kualiti (Talib, Ali dan Jamaludin, 2008). Selain itu, sesuatu perkara yang diharamkan dan yang menimbulkan *syubhah* perlu dipastikan oleh umat Islam agar segala tindakan mereka jauh dari perkara-perkara tersebut. Sepatutnya status halal menjadi kriteria utama dalam menentukan sesuatu tindakan atau usaha termasuklah juga soal pemakanan. Makanan yang halal dan baik akan mempengaruhi pemakannya untuk berbuat kebaikan. Berusaha mencari yang halal itu merupakan satu tuntutan agama.

Umat Islam wajib memastikan segala tindakan mereka selari dengan konsep halal dalam Islam ketika mencari rezeki. Adalah menjadi satu kesalahan dan dosa bagi umat Islam yang mengabaikan tuntutan ini (Dahalan, 2008). Secara keseluruhannya, identiti diri memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi sikap dan tingkah laku. Ia adalah sifat manusia, di mana sikap dan tingkah laku seseorang

adalah berdasarkan kepercayaan dan agamanya. Identiti turut memberi pengaruh dalam kehidupan manusia.

Pengaruh identiti diri sebagai seorang Muslim mempengaruhi persepsi Industri kecil dan sederhana terhadap pensijilan halal Malaysia. Statistik permohonan sijil halal menunjukkan kebanyakan pemohon atau pemegang adalah terdiri daripada usahawan makanan yang bukan beragama Islam iaitu 70% berbanding usahawan yang beragama Islam. Usahawan bukan Islam dilihat bersungguh-sungguh serta komited untuk mendapatkan pengiktirafan sijil halal bagi produk-produk keluaran syarikat mereka. Sedangkan usahawan Muslim yang beragama Islam tidak memandang keperluan pengiktirafan halal ini sebagai satu peluang serta daya tarikan untuk melariskan produk-produk keluaran mereka. Usahawan beranggapan pengguna sudah yakin dengan produk yang diusahakan oleh mereka sebagai usahawan Muslim. Tidak semua produk orang Muslim boleh dituntut sebagai halal, melainkan jika ia mematuhi syariat (Talib, Ali dan Jamaludin, 2008).

2.7.3 Penyelidikan Lepas Mengenai Identiti

Terdapat pelbagai penyelidikan mengenai pengaruh identiti diri dalam pelbagai aspek dan bidang. Antaranya, penyelidikan yang dilakukan oleh Salman dan Sidiqqi (2011) mengenai tahap kesedaran dan persepsi makanan halal di Pakistan. Rekabentuk, metodologi dan pendekatan penyelidikan dengan penerokaan secara semulajadi dan data keratan rentas telah diperoleh daripada 528 responden dari kelompok yang berbeza iaitu pelajar-pelajar universiti dan sektor korporat. Data empirikal yang telah digunakan untuk analisis data iaitu Alpha Cronbach (*Cronbach*

Alpha), *Confirmatory Factor Analysis* dan *Pearson Product Correlation*. Penemuan penyelidikan ini menunjukkan bahawa kesedaran terhadap makanan halal dengan identiti sebagai umat Islam mewakili hubungan yang sangat lemah. Identiti adalah lebih dikaitkan dengan dalaman dan bukannya kuasa luaran. Seorang mukmin yang kuat dan Muslim yang sangat komited tidak semestinya sedar tentang hakikat bahawa apa jua makanan boleh didapati di Pakistan adalah halal atau tidak. Oleh itu, penyelidikan tersebut tidak menyokong fakta dan menunjukkan kolerasi yang lemah terhadap identiti diri dan kesedaran terhadap makanan halal.

Selain itu, penyelidikan oleh Hashim dan Othman (2011) mengenai perbezaan antara Muslim dan bukan Muslim berbangsa Arab dari segi tahap keagamaan dan persepsi halal. Hasil dapatan penyelidikan mendapati bahawa tahap keagamaan dan persepsi halal dikalangan bukan Muslim berbangsa Arab adalah lebih tinggi berbanding dengan orang Muslim berbangsa Arab. Penyelidikan ini turut menunjukkan bahawa orang bukan Muslim berbangsa Arab lebih berhati-hati apabila membeli produk makanan berbanding dengan orang Muslim berbangsa Arab.

Sebaliknya penyelidikan yang dilakukan oleh Hustvedt (2006) bagi mengenalpasti sekumpulan pengguna yang mungkin berminat dalam membeli pakaian campuran kapas organik. Hasil penemuan menunjukkan bahawa hubungan antara niat pembelian masa depan dengan identiti diri menjadi pengantara untuk pembelian pakaian campuran kapas organik.

2.8 Sikap

Sikap adalah penilaian dan kecenderungan individu sama ada baik atau buruk mengenai sesuatu objek, seseorang atau peristiwa (Robbins dan Judge, 2013; Ajzen, I. 1989). Hal ini menggambarkan bagaimana seseorang beranggapan tentang sesuatu (Robbins dan Judge, 2013) dengan cara tertentu dalam mengamalkan sikap yang konsisten dengan tingkah laku mereka (Walley et al, 2009). Coon dan Mitterer (2008) mendefinisikan sikap sebagai campuran kepercayaan dan emosi yang mempengaruhi seseorang untuk bertindak balas terhadap orang lain atau sesuatu objek sama ada positif atau negatif. Sikap juga boleh dikatakan sebagai perasaan umum seseorang sama ada baik atau tidak terhadap sesuatu yang dipengaruhi oleh keadaan di sekelilingnya. Menurut Coon dan Mitterer (2008) menyatakan bahawa sikap juga dipengaruhi oleh sekelompok masyarakat sebagai tekanan dalam membentuk sikap seseorang seperti melakukan tingkah laku yang sama dengan masyarakat tersebut. Selain itu, cara didikan ibu bapa terhadap anak juga mempengaruhi sikap seseorang seperti kesan penilaian ibubapa, kepercayaan dan amalan. Media massa juga mempengaruhi sikap seseorang seperti dipujuk, memujuk dan dimanipulasi oleh mesej yang terdapat dalam media massa seperti majalah, television dan sebagainya. Pengaruh persekitaran individu dan tanggungjawab moral berpotensi mempengaruhi sikap individu ke arah tingkah laku beretika atau tidak beretika (Leonard dan Cronan, 2005).

Berdasarkan Robbins dan Judge (2013) terdapat tiga komponen sikap iaitu kognitif, kesan dan tingkah laku. Komponen sikap kognitif adalah sikap berdasarkan pendapat atau kepercayaan. Manakala, komponen sikap kesan adalah sikap berdasarkan emosi

atau perasaan. Komponen ini boleh membawa kepada hasil tingkah laku. Komponen sikap tingkahlaku merujuk kepada niat untuk berkelakuan dalam cara tertentu terhadap seseorang atau sesuatu. Manakala Coon dan Mitterer (2008) berpendapat bahawa sikap dinyatakan melalui komponen kepercayaan, emosi dan tindakan. Komponen sikap kepercayaan adalah apa yang dipercayai oleh seseorang mengenai objek atau isu-isu tertentu. Komponen sikap emosi pula terdiri daripada perasaan seseorang terhadap objek tertentu. Manakala, komponen tindakan yang merujuk kepada tindakan seseorang terhadap orang lain, objek, atau institusi. Sikap juga dipelajari melalui interaksi dengan orang lain atau melalui perbincangan dengan orang-orang yang mempunyai sikap yang tertentu.

Berdasarkan model Teori Tindakan Beralasan yang di perkenalkan oleh Fishbein dan Ajzen pada tahun 1975 dan Teori Tingkahlaku Terancang yang diperkenalkan oleh Ajzen pada tahun 1988 mendefinisikan sikap terhadap tingkah laku yang merujuk sejauh mana individu mempunyai penilaian yang baik atau buruk mengenai tingkah laku berkenaan (Albarq dan Alsughayir, 2013; Ajzen, 1991). Menurut model ini, sikap terdiri daripada kepercayaan seseorang tentang sesuatu objek. Secara umumnya, seseorang membentuk kepercayaan tentang sesuatu objek dengan mengaitkan sifat-sifat tertentu iaitu dengan objek, ciri-ciri atau peristiwa. Ciri-ciri sikap yang dikaitkan dengan tingkah laku mempunyai nilai positif atau negatif, maka secara automatik dan pada masa yang sama memperolehi sikap terhadap tingkah laku tersebut. Dengan cara ini, seseorang akan membentuk tingkah laku yang baik apabila dipercayai mempunyai kesan yang baik dan membentuk sikap yang tidak baik terhadap tingkah laku yang boleh dikaitkan dengan kesan-kesan yang tidak diinginkan (Ajzen, 1991).

Hal demikian menggambarkan bahawa apabila seseorang mempunyai kepercayaan positif terhadap tingkah laku, maka ia mempunyai sikap yang positif berhubung dengan tingkah laku tersebut. Perkara sebaliknya berlaku apabila dia mempunyai kepercayaan negatif mengenai hasil dan tingkah laku tersebut maka ia dianggap sebagai sikap yang negatif dan ia juga merujuk kepada sejauh mana seseorang mempunyai penilaian yang baik atau buruk melalui tingkah laku. Kepercayaan tingkah laku misalnya perbuatan untuk penggunaan atau membeli produk halal adalah kepercayaan yang mendorong sikap seseorang terhadap tingkah laku untuk menggunakan atau membeli produk yang halal (Mukhtar dan Butt, 2012).

Justeru, sikap memainkan peranan yang penting terhadap tingkah laku seseorang dalam menghasilkan sesuatu keputusan yang dilakukan. Sikap mempengaruhi kehidupan setiap individu dalam melaksanakan segala aktiviti harian mereka. Sikap didorong oleh tingkah laku yang mana mempengaruhi penilaian seseorang individu samada baik atau buruk melalui tingkah laku dan kepercayaan mereka terhadap sesuatu perkara. Agama juga memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi sikap dan tingkah laku pengguna yang mana sikap dan tingkah laku berdasarkan kepercayaan atau agama. Sebagai contohnya pengaruh agama terhadap pengambilan makanan bergantung kepada agama itu sendiri dan sejauh mana individu mentafsir dan mengikut ajaran agama mereka (Lada, Tanakinjal dan Amin, 2009). Agama juga boleh mempengaruhi sikap dan tingkah laku pengguna serta mempengaruhi keputusan dalam membeli makanan dan tabiat pemakanan (Rafidah et al, 2012). Kebanyakan dalam masyarakat, agama memainkan peranan dalam membentuk pemilihan makanan (Rafidah et al, 2012) dan penyediaan makanan.

Oleh itu, pengusaha dan perniaga khususnya usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera digesa untuk bersikap positif dalam memastikan setiap aspek pengeluaran mencapai piawaian yang halal. Bagi memastikan pengusaha dan peniaga mencapai piawaian halal pengesahan perlu dilakukan maka, sijil halal daripada pihak berkuasa perlu diperolehi. Pensijilan halal adalah anugerah pengesahan oleh badan Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang mengesahkan bahawa produk tersebut adalah sesuai untuk umat Islam. Pensijilan halal melibatkan langkah-langkah termasuk pengesahan ramuan, pemeriksaan atau audit dan kelulusan oleh Jawatankuasa Sijil halal adalah satu tanda yang diperakui oleh orang ramai bagi memastikan sesuatu produk yang dikeluarkan oleh pengusaha atau peniaga (Spring Singapore, 2011). Menurut JAKIM, terdapat empat manfaat pensijilan halal iaitu:

1. Keyakinan pengguna yang membolehkan pengguna untuk membuat pilihan terhadap pembelian mereka.
2. Memberi kelebihan kompetitif kepada pengeluar untuk menggunakan ia sebagai alat pemasaran.
3. Aspek kualiti yang mana ia menunjukkan bahawa produk bukan sahaja memenuhi keperluan halal, tetapi juga mengikuti amalan kebersihan yang ketat.
4. Sebagai hak untuk menyediakan satu mekanisme dalam mengaudit dan memantau produk halal.

Hakikatnya usahawan IKS bumiputera adalah berbeza dalam menterjemahkan sikap mereka bagi memahami konsep halal kerana amalan budaya yang berbeza, kepercayaan dan sikap mereka terhadap pensijilan halal itu sendiri. Secara umum, semua produk halal disahkan halal, tetapi tidak semua produk halal disahkan halal.

Dalam erti kata yang lain produk yang di keluarkan oleh pengusaha dan peniaga bumiputera yang beragama Islam tidak semestinya halal sehingga ianya disahkan halal. Sengelintir usahawan IKS bumiputera bersikap dalam memberi anggapan bahawa konsep halal hanya merangkumi soal halal dan haram dalam penyediaan sehingga pengedaran tetapi sebaliknya terdapat pelbagai perkara perlu diberi perhatian untuk mengesahkan ianya adalah halal. Hal demikian menyebabkan kepentingan pensijilan halal Malaysia diambil mudah berdasarkan sikap yang berbeza oleh segilintir usahawan IKS bumiputera.

2.8.1 Penyelidikan Lepas Mengenai Sikap

Terdapat penyelidikan yang dibuat oleh penyelidik yang lepas bagi membuktikan pengaruh sikap. Penyelidikan yang dibuat oleh Zainudin dan Nor Hidayatul Aini (2010) dalam mengetahui apakah persepsi dan sikap pelajar terhadap pendekatan konstruktivisme serta kesannya terhadap pencapaian mata pelajaran Matematik. Responden penyelidikan terdiri daripada 75 pelajar Fakulti Pendidikan daripada program 4 SPM dan 4 SPT di UTM, Skudai. Penyelidikan ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen penyelidikan. Data maklumat yang diperolehi telah diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian "*Statistical Package For The Social Sciences*" versi 13.0 dan penghuraian dibuat berdasarkan peratus serta nilai korelasi bagi menjawab persoalan penyelidikan yang dikemukakan. Keputusan penyelidikan menunjukkan persepsi pelajar terhadap sikap berada pada tahap sederhana. Penyelidikan ini juga mendapati tiada hubungan yang signifikan di antara persepsi dan sikap pelajar terhadap pendekatan konstruktivisme dengan pencapaian Matematik ($p=0.600$ dan $p=0.598$).

Penyelidikan yang di buat oleh Rahman et al, (2011) mengenai faktor ketidakpatuhan dikalangan pengendali restoran terhadap Perintah Perihal Dagangan 1975 (Penggunaan Ungkapan Halal) dengan menggunakan Teori Tingkahlaku Terancang. Data dikumpulkan melalui soal selidik yang diedarkan kepada 350 pemilik restoran di Kuala Lumpur. Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa sikap mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan tingkah laku oleh pengusaha restoran terhadap amalan halal.

Selain itu, penyelidikan yang dibuat oleh Aziz, Amin dan Isa (2010) mengkaji kebolegunaan Teori Tingkahlaku Terancang dalam mengenalpasti niat untuk memilih produk kosmetik yang halal di kalangan pengguna di Malaysia. Seramai 503 responden yang terlibat dalam penyelidikan ini. Keputusan penyelidikan menunjukkan bahawa sikap tidak penting dalam mempengaruhi niat untuk memilih kosmetik yang halal.

Manakala, penyelidikan yang dibuat oleh Yusoff (2011) mengenai faktor yang mempengaruhi tingkah laku pembelian orang Muslim terhadap produk berlabelkan halal. Keputusan penyelidikan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dan tingkah laku pembelian orang Muslim terhadap produk berlabelkan halal. Penyelidikan ini menunjukkan terdapat hubungan positif antara sikap dan niat pembelian.

Berdasarkan penyelidikan oleh Lada, Tanakinjal dan Amin (2009) dalam menguji kesesuaian Teori Tindakan Beralasan dalam meramalkan niat untuk memilih produk halal di kalangan pengguna Malaysia. Satu soal selidik berstruktur digunakan untuk

mendapatkan maklum balas daripada pengguna dengan teknik persampelan mudah. Sejumlah 485 jawapan diterima. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa sikap didapati mempunyai hubungan yang positif dengan niat dalam memilih produk halal.

Manakala, penyelidikan daripada Hassandoust, Logeswaran dan Kazerouni (2011) mengenai faktor tingkah laku berhubung dengan perkongsian pengetahuan maya di kalangan pelajar Universiti Multimedia, Malaysia, berdasarkan Teori Tindakan Beralasan. Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa sikap ke arah perkongsian ilmu muncul untuk menjadi pembolehubah yang penting dalam konteks niat untuk berkongsi ilmu pengetahuan. Faktor kesediaan didapati mempunyai pengaruh yang paling besar terhadap sikap dan juga tiada hubungan positif ke atas sikap pelajar untuk berkongsi pengetahuan.

2.9 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan mengenai pensijilan halal Malaysia dan faktor-faktor yang mempengaruhi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal. Bab ini juga adalah satu penilaian kritikal daripada penyelidikan sebelumnya bagi memahami dengan lebih mendalam tentang penyelidikan ini. Maklumat yang diperolehi daripada penyelidikan tempatan dan antarabangsa yang lepas dapat menyokong dapatan penyelidikan ini kelak. Disamping itu, ia dapat membuktikan daripada penyelidikan yang lepas bahawa penyelidikan yang sedang dijalankan ini adalah penting mengenai pensijilan halal Malaysia kepada usahawan IKS di negara ini.

BAB TIGA

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan


Bab ini akan mengulas lanjut mengenai rangka kerja penyelidikan, populasi dan sampel penyelidikan, serta prosedur pengumpulan data. Bab ini juga mengenai penyelidikan rintis yang dilakukan untuk mengukur persepsi usahawan bumiputera Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Selain itu, bab ini menjelaskan bentuk soal selidik yang digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul data dan merangka analisis yang digunakan.

3.2 Model Penyelidikan

Berdasarkan Cavana, Delehan dan Sekaran (2011) kerangka penyelidikan adalah model bagaimana untuk memahami hubungan yang logik antara faktor-faktor penting yang telah dikenalpasti kepada masalah ini. Kerangka ini juga membincangkan hubungan antara konsep dan pembolehubah yang dianggap penting kepada keadaan yang sedang dikaji. Kerangka penyelidikan adalah mengenai hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Pembolehubah tidak bersandar adalah faktor-faktor yang mempengaruhi pembolehubah bersandar sama ada positif atau negatif. Manakala, pembolehubah bersandar adalah pembolehubah yang utama kepada penyelidik. Pembolehubah tidak bersandar dalam penyelidikan ini adalah prosedur halal, identiti diri dan sikap yang

mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu persepsi Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Rajah 3.1: Kerangka Penyelidikan.



3.3 Hipotesis Penyelidikan

Hipotesis membangun melalui rangka kerja teori. Hipotesis adalah kenyataan diuji mengenai hubungan antara dua atau lebih pembolehubah. Berdasarkan kerangka teori, penyelidik telah menghasilkan hipotesis seperti berikut:

- i) Ho1- Prosedur pensijilan halal tidak mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

Ha1- Prosedur pensijilan halal mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

- ii) Ho2- Identiti diri sebagai faktor penolakan tidak mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

Ha2- Identiti diri sebagai faktor penolakan mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

- iii) Ho3- Sikap tidak mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

Ha3- Sikap mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

3.4 Reka Bentuk Penyelidikan

Reka bentuk penyelidikan adalah struktur konsep dalam penyelidikan yang akan dijalankan. Reka bentuk penyelidikan memberi gambaran tentang kaedah, perancangan atau strategi yang digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

Reka bentuk penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mengukur hubungan pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Penyelidikan ini juga merupakan tinjauan keratan rentas (*cross-sectional studies*) dengan menggunakan soal selidik bagi pembinaan prosedur mengenai persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Zikmund, et al., (2010) menyatakan bahawa penyelidikan tinjauan keratan rentas (*cross-sectional studies*) sebagai satu kaedah pengumpulan data dengan mewakili sampel individu. Penyelidikan tinjauan ini adalah cepat, murah, cekap dan tepat dalam mendapatkan maklumat mengenai sesuatu populasi.

Menurut Sekaran dan Bougie (2012) menyatakan bahawa penyelidikan keratan rentas (*cross-sectional studies*) boleh dilaksanakan dengan mengumpul data hanya sekali dan tempoh pengumpulan data boleh mengambil masa sehari atau minggu atau bulan untuk menjawab persoalan penyelidik. Kaedah penyelidikan tinjauan keratan rentas (*cross-sectional studies*) sering digunakan oleh kebanyakan penyelidikan yang lepas.

3.5 Persampelan Penyelidikan

Penyelidik memerlukan persampelan bagi memilih beberapa jenis sampel sebagai responden dalam penyelidikan ini. Persampelan adalah proses memilih sampel yang tepat mengenai individu, objek atau peristiwa sebagai mewakili keseluruhan populasi. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang ciri-ciri atau parameter populasi. Penyelidik berminat untuk membuat penyelidikan tentang

persepsi usahawan bumiputera Industri Kecil dan Sederhana (IKS) terhadap pensijilan halal Malaysia di negeri Kedah iaitu Daerah Kubang Pasu di Jitra sebagai persampelan bagi penyelidikan ini. Di negeri Kedah terdapat dua agensi yang terlibat dalam pengurusan halal dan pengeluaran pensijilan halal iaitu Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman (JHEAIK). MAIK bertanggungjawab dalam menyelaras dasar pengurusan sijil halal dan kutipan hasil sijil halal. Manakala JHEAIK bertanggungjawab dalam pelaksanaan pengeluaran sijil halal kepada pengusaha makanan, minuman, barangangunaan orang Islam, premis makanan dan rumah sembelihan serta aktiviti penguatkuasaan terhadap pemegang sijil halal.

3.5.1 Populasi Penyelidikan

Populasi merujuk kepada keseluruhan sekumpulan individu, peristiwa atau perkara yang memberi kepentingan kepada penyelidik dalam penyiasatan. Sekaran dan Bougie (2012) menyatakan bahawa populasi adalah sekumpulan individu, peristiwa, atau perkara-perkara yang menarik bagi penyelidik dalam membuat kesimpulan. Dalam erti kata yang lain, populasi adalah keseluruhan individu dalam kumpulan dimana penyelidik berminat untuk mendapatkan maklumat dan membuat rumusan tentangnya. Populasi bagi penyelidikan ini dilakukan terhadap usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah seramai 165 usahawan IKS bumiputera.

3.5.2 Sampel Penyelidikan

Sampel adalah suatu kumpulan (*subset*) peserta penyelidikan yang dipilih daripada satu populasi. Ia terdiri daripada beberapa peserta yang dipilih daripada populasi. Dalam erti kata lain, tidak semua unsur-unsur populasi akan membentuk sampel (Cavana, Delehan dan Sekaran, 2011). Sampel dalam penyelidikan ini adalah persampelan rawak (*probability sampling*) iaitu persampelan rawak mudah (*simple random sampling*). Menurut Sekaran dan Bougie (2012) menyatakan bahawa persampelan rawak (*probability sampling*) secara persampelan rawak mudah (*simple random sampling*) adalah setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel. Persampelan rawak mudah (*simple random sampling*) diambil daripada populasi usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu bagi tujuan untuk memperolehi maklumat mengenai usahawan IKS bumiputera yang tidak memiliki pensijilan halal Malaysia. Berdasarkan borang soal selidik berjumlah 120 telah diedarkan kepada usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah. Populasi usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu adalah seramai 165 usahawan IKS. Berdasarkan model sample saiz yang dikemukakan oleh Krejcie and Morgan yang dikemukakan pada tahun 1970 bagi populasi seramai 165 usahawan maka sample saiz yang perlu diambil adalah 113 (Sekaran dan Bougie, 2012).

3.6 Kaedah Pengumpulan Data

3.6.1 Data Primer

Dalam penyelidikan ini penyelidik menggunakan data primer iaitu borang soal selidik yang diedarkan kepada usahawan bumiputera Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah secara persampelan mudah. Borang soal selidik telah dijawab oleh responden yang mana soalan-soalan telah disusun dengan teratur supaya responden dapat memahami soalan-soalan yang dikemukakan agar soal selidik ini memudahkan penyelidik dalam memperolehi dapatan penyelidikan.

3.6.2 Instrumen Penyelidikan

Instrumen penyelidikan digunakan untuk mengumpulkan data penyelidikan. Instrumen yang digunakan dalam penyelidikan ini bagi kaedah pengumpulan data dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik telah disediakan dalam Bahasa Melayu untuk memastikan pemahaman yang lebih baik di kalangan responden dan untuk mengelakkan salah faham istilah dan makna. Soal selidik yang telah digunakan ini dibahagikan kepada lima bahagian (rujuk di bahagian Lampiran A) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.1 dan jawapan berdasarkan Skala Likert (*Scala Likert*) seperti Jadual 3.2 iaitu (1): Amat Tidak Setuju atau skala (2): Tidak Setuju ia menunjukkan keadaan responden yang lemah. Jika skala yang dipilih menunjukkan skala (3): Tidak pasti menggambarkan responden berada dalam keadaan diantara lemah dengan yang baik. Manakala jika skala yang dipilih ialah (4): Setuju atau skala (5): Amat Setuju ia menggambarkan bahawa responden memiliki keadaan yang baik.

3.6.2.1 Bahagian A: Maklumat Peribadi

Maklumat demografi bertujuan untuk mengenalpasti maklumat peribadi dan perniagaan di mana beberapa maklumat umum sebanyak 6 soalan mengenai latarbelakang diri dan penubuhan perniagaan yang ditanya seperti jantina, umur, jenis perniagaan, purata keuntungan tahunan, tempoh perniagaan dan bilangan pekerja.

3.6.2.2 Bahagian B: Prosedur Pensijilan Halal.

Bahagian ini mengkaji persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap prosedur pensijilan halal. Soalan yang ditanya adalah secara umum dan khusus mengenai prosedur pensijilan halal. Setiap pernyataan terdiri daripada 11 soalan. Responden diminta untuk memilih jawapan berdasarkan Skala Likert (*Scala Likert*) seperti Jadual 3.2.

3.6.2.3 Bahagian C: Identiti Diri.

Identiti diri dikaji dalam bahagian ini bagi mengetahui identiti usahawan IKS bumiputera sebagai orang Muslim. Persoalan mengenai kefahaman usahawan IKS bumiputera sebagai seorang Muslim terhadap isu halal dan pensijilan halal. Dalam bahagian ini terdiri daripada 10 pernyataan dan jawapan berdasarkan Skala Likert (*Scala Likert*) seperti Jadual 3.2.

3.6.2.4 Bahagian D: Sikap Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Bahagian ini mengkaji sikap usahawan IKS bumiputera mengenai pensijilan halal Malaysia. Bahagian ini mengandungi 13 pernyataan bagi menilai ciri-ciri dan sikap responden. Jawapan daripada pernyataan soalan berdasarkan Skala Likert (*Scala Likert*) seperti Jadual 3.2.

3.6.2.5 Bahagian E: Persepsi Usahawan IKS Terhadap Pensijilan Halal Malaysia.

Bahagian ini mengkaji mengenai persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Bahagian ini mengandungi 11 pernyataan bagi menilai persepsi responden secara mengenai pensijilan halal Malaysia secara umum. Jawapan daripada pernyataan soalan berdasarkan Skala Likert (*Scala Likert*) seperti Jadual 3.2.

Jadual 3.1: Pembahagian Soal Selidik.

Bahagian	Pernyataan	Rujukan	Jumlah Pernyataan
A	Maklumat Demografi.	Marzuki, Hall dan Ballantine (2012).	6
B	Prosedur Pensijilan Halal	Abdul, Ismail, Hashim, dan Johari (2009); Marzuki, (2012); Shaari, & Arifin (2010) dan Rezai, et al (2009).	11
C	Identiti Diri.	Marzuki, (2012); Dahalan, (2008); Shaari, & Arifin (2010); Yusoff, (2011); Rezai, et al (2009) dan Harun (2011).	10
D	Sikap.	Marzuki, (2012) dan	13

		Shaari, & Arifin (2010)	
E	Persepsi Usahawan IKS Terhadap Pensijilan Halal Malaysia.	Marzuki, (2012) dan Nooh, Nawai, Dali dan Mohammad (2013).	11
Jumlah			51

Jadual 3.2: Skala likert (*Scala likert*).

1 Amat Tidak Setuju	2 Tidak Setuju	3 Tidak Pasti	4 Setuju	5 Amat Setuju
------------------------	-------------------	------------------	-------------	------------------

Sumber: (Zikmund, et al., 2010).

3.6.3 Prosuder Penyelidikan

Borang soal selidik yang berjumlah 120 telah diedarkan kepada usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah. Borang soal selidik yang diedarkan bagi mengetahui dan mengenalpasti kefahaman usahawan IKS bumiputera mengenai persepsi mereka terhadap pensijilan halal Malaysia. Borang soal selidik yang telah dikembalikan kepada penyelidik berjumlah 117 yang telah diisi oleh responden penyelidikan. Jumlah ini telah mencapai sasaran sampel saiz yang dikemukakan oleh Krejcie and Morgan bagi populasi seramai 165 usahawan IKS bumiputera hanya sample saiz yang perlu diambil adalah 113 (Sekaran dan Bougie, 2012).

3.7 Penyelidikan Rintis

Penyelidikan rintis merupakan satu aktiviti penyelidikan yang penting bagi setiap penyelidikan tinjauan (*cross-sectional studies*) untuk mengenalpasti keberkesanan

instrumen penyelidikan. Penyelidikan rintis ini dijalankan sebelum penyelidikan sebenar dilakukan bagi memastikan bahawa soalan-soalan seperti yang terkandung dalam borang soal selidik adalah jelas kepada pemahaman responden. Menurut Cavana, Delehan dan Sekaran (2011), sekiranya soalan-soalan yang mengandungi hanya perkara fakta, maka penyelidikan rintis boleh dilakukan kepada 30 responden. Justeru, penyelidikan rintis telah dibuat kepada 30 responden yang diambil secara rawak daripada usahawan IKS Daerah Kubang pasu di Jitra, Kedah. Melalui penyelidikan rintis, kebolehpercayaan dan kesahan telah dikenalpasti melalui nilai kepercayaan Alpha Cronbach (*Cronbach Alpha*) iaitu melebihi 0.60. Soalan-soalan yang dikemukakan menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan dalam penyelidikan rintis adalah melebihi daripada 0.60. Melalui analisis dijalankan menggunakan SPSS 19.0 terhadap borang soal selidik menunjukkan bahawa nilai Alpha Cronbach (*Cronbach Alpha*) bagi prosedur halal adalah 0.705, identiti adalah 0.851, sikap adalah 0.700 dan persepsi adalah 0.719. Hal ini menunjukkan bahawa soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik boleh difahami oleh responden penyelidikan.

3.8 Analisis Data

Data-data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian statistik "*Statistical Package for Social Science*" (SPSS) versi 19.0. Terdapat beberapa alat analisis telah digunakan secara teknikal untuk menganalisis maklumat. Antara alat analisis yang digunakan dalam penyelidikan ini adalah:

3.8.1 Analisis Demografi

Analisis demografi adalah untuk mengenalpasti golongan responden yang dikaji dengan menerokai secara terperinci tentang latar belakang responden. Hal ini mengupas lebih mendalam tentang maklumat responden seperti jantina, umur, jenis perniagaan, purata keuntungan tahunan, tempoh perniagaan dan bilangan pekerja.

3.8.2 Analisis Deskriptif

Dalam analisis deskriptif digunakan untuk melihat taburan min dan sisihan piawai data bagi pembolehubah bebas yang dikaji. Nilai-nilai min ini digunakan untuk melihat sejauhmana ramalan responden terhadap pembolehubah bebas dalam mempengaruhi pembolehubah bersandar yang mana menggambarkan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

3.8.3 Analisis Kepercayaan

Kebolehpercayaan adalah satu alat pengukur ujian dalaman yang konsisten (Zikmund, et al., 2010). Dalam erti kata lain, kebolehpercayaan adalah kesesuaian dan keyakinan terhadap sesuatu alat ujian. Ujian kebolehpercayaan bagi setiap instrumen telah dikira dengan menggunakan pekali kebolehpercayaan Alpha Cronbach (*Cronbach Alpha*). Berdasarkan Cavana, Delehan dan Sekaran (2011), nilai kepercayaan bagi Alpha Cronbach (*Cronbach Alpha*) yang kurang daripada 0.60 adalah lemah, manakala 0.70 adalah boleh diterima dan 0.80 adalah baik. Oleh itu, nilai kepercayaan Alpha Cronbach (*Cronbach Alpha*) dalam penyelidikan ini

adalah melebihi 0.60 adalah diterima sebagai pengukuran nilai kepercayaan bagi menyatakan bahawa soalan-soalan yang dikemukakan difahami oleh responden.

3.8.4 Analisis Korelasi Pearson

Analisis korelasi dalam penyelidikan ini adalah untuk mengesan hubungan antara satu pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Selain itu, analisis ini digunakan untuk menguji setiap hipotesis yang dikaji dalam penyelidikan ini. Ghauri dan Gronhaug (2010) menyatakan bahawa analisis korelasi adalah teknik untuk mengenal pasti dan mengukur hubungan antara pembolehubah x dengan pembolehubah y . Penyelidikan ini menggunakan analisis korelasi bagi mengetahui hubungan antara prosedur pensijilan halal Malaysia, identiti diri dan sikap sebagai pembolehubah bebas dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia sebagai pembolehubah bersandar. Analisis korelasi digunakan untuk menilai kekuatan dan arah perkaitan antara dua pemboleh ubah. Menurut Veal (2005) jika nilai pekali korelasi Pearson (r) menunjukkan positif (+)1.0 maka terdapat hubungan korelasi yang positif di antara dua pembolehubah. Sekiranya negatif (-)1.0 maka terdapat hubungan korelasi yang negatif di antara dua pembolehubah. Manakala pekali korelasi menunjukkan sifar maka tidak ada hubungan di antara dua pembolehubah. Sekiranya pekali korelasi menunjukkan antara 0 dan positif 1.0 maka terdapat beberapa pekali korelasi positif atau di antara 0 dan negatif (-)1.0 menunjukkan terdapat hubungan negatif diantara dua pembolehubah.

Selain itu, Pallant (2005) juga menyatakan tentang nilai pekali korelasi Pearson (r) diantara (-)1.00 hingga (+)1.00. Hal ini boleh terdiri daripada negatif (-)1.00 hingga positif (+)1.00. Nilai ini menunjukkan kekuatan hubungan antara dua pembolehubah yang di kaji. Nilai pekali korelasi 0 menunjukkan hubungan tidak langsung manakala hubungan (+)1.0 menunjukkan hubungan korelasi yang positif dan nilai (-)1.0 menunjukkan hubungan korelasi yang negatif. Nilai positif dan negatif hanyalah mengenai hubungan bukan menunjukkan kekuatan antara dua pembolehubah. Namun begitu menurut Pallant (2005) berdasarkan cadangan Cohen (1988) mengenai garis panduan nilai pekali korelasi Pearson (r) adalah seperti berikut:

1. Nilai korelasi yang kecil

$$r = 0.10 \text{ hingga } 0.29 \text{ atau } r = - 0.10 \text{ untuk } - 0.29.$$

2. Nilai korelasi yang sederhana

$$r = 0.30 \text{ hingga } 0.49 \text{ atau } r = - 0.30 \text{ untuk } - 0.4.9$$

3. Nilai korelasi yang besar

$$r = 0.50 \text{ hingga } 1.0 \text{ atau } r = - 0.50 \text{ untuk } -1.0$$

3.8.4 Analisis Regresi Pelbagai (*Multiple Regressions*)

Analisis regresi pelbagai (*multiple regressions*) adalah mengetahui hubungan keseluruhan pembolehubah bebas iaitu prosedur pensijilan halal, identiti diri dan sikap dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia sebagai pembolehubah bersandar. Menurut Hair et al (2007) menyatakan bahawa analisis regresi pelbagai memasuki beberapa pembolehubah bebas ke dalam

persamaan regresi dengan melibatkan satu pembolehubah bersandar. Selain itu, analisis ini melibatkan ujian statistik yang dinamakan pekali penentu (*coefficient of determination*) dan diwakili oleh simbol R^2 . Simbol ini merupakan kuasa dua bagi r iaitu pekali korelasi. Julat nilai R^2 adalah antara 0.00 dan 1.00. Nilai 1.00 menandakan tahap kepadanan yang sempurna. Ini bermakna lebih tinggi nilai R^2 , maka lebih tinggi nilai berkenaan.

Maklumat lain yang harus diambil kira ialah jadual regresi ANOVA yang dihasilkan dalam analisis ini. Jadual regresi ANOVA bertujuan untuk menguji sama ada terdapat hubungan linear antara pembolehubah-pembolehubah dengan membentuk nisbah F bagi min kuasa dua untuk regresi kepada dua sisa (*residual*). Seterusnya, maklumat signifikan pula memaparkan nilai p bagi t iaitu maklumat t merupakan ujian t bagi ujian signifikan pekali regresi. Sekiranya nilai p berkenaan kurang daripada atau sama dengan 0.05 ($p < 0.05$) menunjukkan bahawa satu pembolehubah tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembolehubah yang lain.

3.9 Rumusan

Keseluruhan bab ini mengenai kaedah yang digunakan dengan terperinci bagi mencapai objektif penyelidikan. Ianya meliputi kaedah mereka bentuk penyelidikan, kerangka kerja teoretikal, pembentukan hipotesis, persampelan penyelidikan, instrumen penyelidikan, kaedah pengumpulan data, penyelidikan rintis dan teknik-teknik penganalisan data. Data dikumpulkan melalui pengedaran borang soal selidik dengan mengemukakan soalan-soalan berdasarkan Skala Likert (*Scala Likert*). Sampel penyelidikan yang dikaji terhadap responden usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang pasu di Jitra, Kedah dengan menggunakan persampelan rawak (*probability*

sampling) iaitu persampelan mudah (*simple random sampling*). Penyelidikan ini menggunakan tinjauan keratan rentas (*cross sectional studies*) untuk memperolehi data daripada responden. Selepas data dikumpulkan, penyelidikan menggunakan SPSS 19.0 untuk menganalisis data yang diperoleh daripada responden dengan berdasarkan analisis diskriptif, korelasi dan regresi pelbagai Pearson.

BAB EMPAT

DAPATAN PENYELIDIKAN

4.1 Pengenalan

Bab ini adalah membincangkan hasil penyelidikan dan analisis data yang telah dijalankan dalam bentuk analisis deskriptif bagi menilai frekuensi dan peratusan untuk setiap faktor-faktor pembolehubah dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Selain itu, bab ini juga menjawab persoalan penyelidikan dan mencapai objektif penyelidikan yang telah dibincangkan dalam bab satu. Data analisis dilakukan menggunakan perisian “*Statistical Package for Social Science (SPSS) version 19.0 for Windows*”. Pengujian hipotesis menggunakan analisis statistik inferensi.

4.2 Persampelan Penyelidikan

Sebanyak 120 borang soal selidik telah diedarkan kepada semua usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah. Sebanyak 117 borang berjaya dikutip kembali iaitu sebanyak 97.5%. Borang soal selidik yang diterima mewakili populasi responden yang dikaji. Kesemua borang yang diterima adalah lengkap.

4.3 Analisis Deskriptif Maklumat Demografi


Analisis deskriptif digunakan dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan maklumat mengenai ciri-ciri demografi responden yang meliputi jantina, umur, jenis perniagaan, purata keuntungan tahunan, tempoh perniagaan dan bilangan pekerja. Setiap maklumat dan hasil dapatan penyelidikan dipaparkan secara statistik deskriptif menggunakan jadual yang bersesuaian.

4.3.1 Jantina

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina.

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	3	2.6
Perempuan	114	97.4
Jumlah	117	100.0

Rajah 4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina.




Berdasarkan Jadual dan Rajah 4.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 3 orang iaitu sebanyak 2.6% adalah lelaki manakala 114 orang mewakili 97.4% adalah perempuan. Ini menunjukkan bahawa penglibatan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah adalah usahawan daripada golongan usahawan perempuan.

4.3.2 Umur

Jadual 4.2: Taburan Responden Berdasarkan Umur.

Umur	Frekuensi	Peratus
20-30 tahun	9	7.7
31-40 tahun	35	29.9
41-50 tahun	43	36.8
51 tahun ke atas	30	25.6
Jumlah	117	100.0

Rajah 4.2: Taburan Responden Berdasarkan Umur.




Berdasarkan Jadual dan Rajah 4.2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur. Majoriti responden yang berumur antara 31 hingga 40 tahun iaitu sebanyak 43 responden mewakili 36.8% daripada keseluruhan responden di mana menunjukkan usahawan IKS bumiputera adalah dalam kategori umur 31 hingga 40 tahun. Manakala golongan responden yang terendah yang berumur antara 20-30 tahun iaitu 7.7%.

4.3.3 Jenis Perniagaan

Jadual 4.3: Taburan Jenis Perniagaan

Jenis Perniagaan	Frekuensi	Peratus
Roti dan Kek	6	5.1
Kuih Tradisional	39	33.3
Kerepek	9	7.7
Makanan Ringan	7	6.0
Makanan Sejuk Beku	5	4.3
Restoran	34	29.1
Lain-Lain	17	14.5
Total	117	100.0

Rajah 4.3: Taburan Jenis Perniagaan.




Berdasarkan Jadual dan Rajah 4.3 menunjukkan bahawa taburan jenis perniagaan yang diceburi oleh usahawan IKS bumiputera adalah jenis perniagaan kuih tradisional menunjukkan 33.3% iaitu sebanyak 39 responden. Manakala, 29.1% iaitu sebanyak 34% adalah jenis perniagaan restoran. Selebihnya, hanya sedikit jenis perniagaan lain yang diceburi oleh usahawan IKS bumiputera. Ini menunjukkan bahawa usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah lebih menceburi jenis perniagaan kuih tradisional dan restoran.

4.3.4 Purata Keuntungan Tahunan

Jadual 4.4: Taburan Purata Keuntungan Tahunan.

Purata Keuntungan Tahunan	Frekuensi	Peratus
Kurang Dari RM 10,000.00	76	65.0
RM 10,001.00 - RM 30,000.00	36	30.8
RM 30,001.00 - RM 50,000.00	3	2.6
RM 50,001.00 Ke Atas	2	1.7
Jumlah	117	100.0

Rajah 4.4: Taburan Purata Keuntungan Tahunan.



Merujuk kepada Jadual dan Rajah 4.4 menunjukkan bahawa taburan purata keuntungan tahunan responden tertinggi adalah kurang dari RM 10,000.00 iaitu 76 responden sebanyak 65% manakala taburan purata keuntungan tahunan terendah


adalah berkeuntungan sebanyak RM 50,000.00 ke atas iaitu seramai 2 responden atau mewakili 1.7% sahaja. Ini menunjukkan bahawa purata keuntungan tahunan usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah adalah kurang dari RM 10,000.00.

4.3.5 Tempoh Perniagaan Beroperasi

Jadual 4.5: Taburan Tempoh Perniagaan Beroperasi.

Tempoh Perniagaan Beroperasi	Frekuensi	Peratus
Kurang Dari 3 Tahun	33	28.2
3-6 Tahun	27	23.1
7-10 Tahun	22	18.8
11 Tahun Ke Atas	35	29.9
Total	117	100.0

Rajah 4.5: Taburan Tempoh Perniagaan Beroperasi.




Berdasarkan Jadual dan Rajah 4.5 menunjukkan taburan responden berdasarkan tempoh perniagaan beroperasi yang tertinggi adalah tempoh perniagaan yang melebihi 11 tahun seramai 35 responden iaitu 29.9% manakala tempoh perniagaan kurang dari 3 tahun menunjukkan sebanyak 33 responden atau 28.2%. Selain daripada itu, tempoh perniagaan antara 3-6 tahun adalah seramai 27 responden mewakili 23.1% dan tempoh perniagaan antara 7-10 tahun menunjukkan seramai 22 responden atau 18.8%.

4.3.6 Bilangan Pekerja

Jadual 4.6: Taburan Bilangan Pekerja.

Bilangan Pekerja	Frekuensi	Peratus
Kurang Dari 10 Orang	112	95.7
11-30 Orang	5	4.3
31-50 Orang	0	0
51 Orang Ke Atas	0	0
Jumlah	117	100.0

Rajah 4.6: Taburan Bilangan Pekerja.



Merujuk kepada Jadual dan Rajah 4.6 menunjukkan bahawa 95.7% seramai 112 responden memiliki bilangan pekerja yang kurang dari 10 orang berbanding dengan taburan bilangan pekerja yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan usahawan IKS bumiputera di Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah memiliki bilangan pekerja yang kurang dari 10 orang.

4.4 Min Dan Sisihan Piawai

Jadual 4.7: Min dan Sisihan Piawai untuk Pembolehubah Bebas dan Bersandar.

Pembolehubah	Min	Sisihan Piawai	N
Prosedur Pensijilan Halal	39.5128	6.69871	117
Identiti	43.8034	4.24922	117
Sikap	47.0085	5.53593	117
Persepsi	44.9316	4.41925	117

Ujian analisis min dan sisihan piawai adalah untuk menganalisis skor min dan sisihan piawai bagi setiap pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar yang digunakan dalam penyelidikan ini yang berkaitan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Dalam penyelidikan ini, responden ditanya mengikut kadar lima dimensi pada Skala Likert (*Scala Likert*) iaitu (1): Amat Tidak Setuju (2): Tidak Setuju (3): Tidak pasti (4): Setuju dan (5): Amat. Merujuk kepada Jadual 4.7 menunjukkan keseluruhan skor min dan sisihan piawaian bagi empat skala yang terdiri daripada setiap pembolehubah bebas bersandar untuk menentukan tahap persepsi usahawan IKS

bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Jadual 4.7 menunjukkan nilai min yang tinggi dan positif antara 39.51 hingga 47.01 dan sisihan piawai yang berkisar antara 4.25 hingga 6.70. Berdasarkan Mohd Rizaimy et al, (2012) sekiranya skor nilai min adalah 3.00 dan ke atas menunjukkan bahawa responden menyokong terhadap item-item yang dikemukakan.

4.4.1 Prosedur Pensijilan Halal

Jadual 4.8: Min dan Sisihan Piawai Bagi Prosedur.

	Min	Sisihan Piawai
Prosedur pensijilan halal adalah ketat.	3.8547	0.89312
Mengambil masa yang lama untuk mendapatkan kelulusan pensijilan halal.	3.3675	0.97908
Saya tidak memahami tatacara dan prosedur pensijilan halal JAKIM.	3.3590	1.02941
Kos yang banyak untuk mendapatkan kelulusan.	3.2821	0.99867
Saya tidak tahu bagaimana cara untuk memohon pensijilan halal.	3.6154	0.96353
Prosedur pensijilan halal adalah mengenai kebersihan dan keselamatan produk sahaja.	3.6325	1.06349

Prosedur pensijilan halal adalah untuk memastikan produk itu halal dan bebas dari perkara yang haram.	4.2479	0.81902
Kriteria pensijilan halal yang ditetapkan oleh JAKIM adalah sukar dipatuhi oleh usahawan IKS.	3.0171	1.05849
Saya tidak mempunyai premis sendiri untuk menghasilkan pengeluaran produk.	3.5726	1.11662
Kos untuk membuka premis sendiri agak membebaskan saya.	3.6838	1.03098
Proses pengeluaran produk dilakukan dikediaman saya.	3.8803	0.97523

Berdasarkan Jadual 4.8 menunjukkan bahawa keseluruhan item bagi prosedur sebagai pembolehubah bebas untuk skor min adalah antara 3.02 hingga 4.25 dan sisihan piawai iaitu antara 0.82 hingga 1.12. Ini menunjukkan bahawa bilangan skor min dan sisihan piawai bagi keseluruhan item prosedur adalah tinggi dikalangan responden. Hal demikian menunjukkan bahawa responden bersetuju mengenai prosedur pensijilan halal memberi kesan terhadap persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

4.4.2 Identiti

Jadual 4.9: Min dan Sisihan Piawai Bagi Identiti.

	Min	Sisihan Piawai
Saya adalah seorang Muslim.	4.4701	0.50125
Saya memahami apakah konsep halal dalam diri saya.	4.3675	0.50169
Saya rasa saya sangat tahu tentang barangan halal.	4.1368	0.64201
Saya patuh pada hukum halal dan haram.	4.3846	0.50593
Saya adalah orang Muslim yang mengamalkan kehidupan sebagai orang Islam.	4.4103	0.54383
Saya mengetahui tentang konsep halal dan haram semasa proses pengeluaran produk.	4.2821	0.52269
Saya usahawan Muslim yang komited dengan pengeluaran produk halal.	4.3419	0.60404
Saya mengetahui bahawa setiap produk yang tidak halal adalah haram untuk dimakan oleh orang Muslim.	4.4701	0.60987
Sebagai seorang Muslim, bahan bekalan yang digunakan adalah halal.	4.5043	0.50213

Sebagai usahawan Muslim pengeluaran produk yang dikeluarkan oleh saya adalah halal walaupun perniagaan saya tidak mempunyai sijil halal.	4.4359	0.59284
--	--------	---------

Merujuk kepada Jadual 4.9 menunjukkan purata min dan sisihan piawai bagi keseluruhan item identiti dikalangan responden di antara 4.14 hingga 4.50 dan 0.50 hingga 0.64. Responden memberi respon tertinggi pada min untuk item yang ke 9, di mana responden bersetuju bahawa sebagai seorang Muslim, bahan bekalan yang digunakan adalah halal.

4.4.3 Sikap

Jadual 4.10: Min dan Sisihan Piawai Bagi Sikap.

	Min	Sisihan Piawai
Sijil halal hanyalah satu simbol atau tanda sahaja untuk menyatakan bahawa produk yang dikeluarkan adalah halal.	3.1026	1.24142
Saya boleh meluaskan peniagaan tanpa memiliki sijil halal.	2.9231	1.07602
Pelanggan saya tidak kisah tentang sijil halal pada produk yang dikeluarkan oleh saya.	2.8803	1.07609
Saya tidak peduli samaada produk saya mempunyai sijil halal atau tidak.	2.4359	1.11714

Perniagaan saya tidak terjejas sekiranya saya tidak memiliki sijil halal.	2.8889	1.07301
Saya mengetahui bahan bekalan yang dibekalkan oleh pembekal adalah halal.	4.0085	0.60878
Saya memilih bahan bekalan daripada pembekal yang mempunyai sijil halal sahaja.	4.0085	0.73691
Saya membeli bahan bekalan daripada pembekal Muslim sahaja.	3.7009	0.94927
Saya sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan semasa proses pengeluaran produk tanpa perlu diragui.	4.2137	0.64097
Saya mengetahui perkara-perkara yang dibenarkan dan tidak dibenarkan dalam proses pengeluaran makanan.	4.1197	0.63194
Saya yakin pekerja saya mematuhi kebersihan dan keselamatan semasa proses pengeluaran produk.	4.1966	0.51259
Saya yakin bahawa pekerja saya mematuhi konsep halal sepanjang proses pengeluaran produk.	4.2393	0.46701
Saya sentiasa mengamalkan konsep halal dalam pengeluaran produk saya.	4.2906	0.47452

Berdasarkan Jadual 4.10 menunjukkan bahawa kesemua item bagi sikap untuk skor min adalah di antara 2.44 hingga 4.29 dan sisihan piawai 0.47 hingga 1.24. Hal ini menunjukkan bahawa sikap memberi kesan terhadap persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Purata min yang tertinggi bagi item sikap merujuk kepada saya sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan semasa proses pengeluaran produk tanpa perlu diragui.

4.4.4 Persepsi Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Jadual 4.11: Min dan Sisihan Piawai Bagi Persepsi.

	Min	Sisihan Piawai
Proses mendapatkan pensijilan halal adalah membebankan bagi usahawan IKS.	3.8547	0.89312
Terdapat masalah birokrasi dalam mendapatkan kelulusan pensijilan halal.	3.6838	1.03098
Pensijilan halal tidak penting kepada produk saya.	3.8803	0.97523
Permintaan terhadap produk saya sentiasa meningkat walaupun produk saya tidak memiliki pensijilan halal.	4.3846	0.50593
Saya tidak memerlukan sijil halal untuk menyakinkan pengguna bahawa produk saya adalah halal.	4.4103	0.54383

Pensijilan halal adalah sebagai syarat oleh pihak berkuasa tempatan untuk menyatakan bahawa produk itu adalah halal.	4.2821	0.52269
Pensijilan halal adalah untuk membuktikan bahawa sumber bekalan atau produk tersebut disahkan halal sahaja.	4.4103	0.54383
Pensijilan halal tidak menjamin kualiti produk yang dikeluarkan oleh usahawan.	4.3846	0.50593
Sijil halal adalah sebagai satu strategi alat pemasaran sahaja.	4.2821	0.52269
Produk yang mempunyai sijil halal lebih mahal berbanding dengan produk yang tidak memiliki sijil halal.	4.3419	0.60404
Pensijilan halal tidak mempengaruhi daya saing dalam peniagaan saya.	3.0171	1.05849

Merujuk kepada Jadual 4.11 menunjukkan bahawa skor min dan sisihan pawaian bagi keseluruhan item persepsi adalah di antara 3.02 hingga 4.41 dan 0.51 hingga 1.06. Terdapat persamaan min yang tertinggi dalam dimensi ini iaitu 4.4103 mengenai item persepsi menunjukkan bahawa responden bersetuju berkaitan dengan saya tidak memerlukan sijil halal untuk menyakinkan pengguna bahawa produk saya adalah halal dan pensijilan halal adalah untuk membuktikan bahawa sumber bekalan

atau produk tersebut disahkan halal sahaja mempengaruhi persepsi responden terhadap pensijilan halal Malaysia.

4.5 Analisis Kebolehpercayaan

Analisis ini menggunakan Alpha Cronbach (*Cronbach Alpha*) untuk menguji kebolehpercayaan bagi setiap pembolehubah yang dikaji. Analisis ini juga adalah mengukur kebolehpercayaan mengenai prosedur ukuran yang dibuat dalam penyelidikan ini bagi mengenalpasti kefahaman responden terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Responden dikemukakan soalan-soalan melalui lima dimensi pada Skala Likert (*Scala Likert*) untuk menilai persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Kemudian, data telah diuji dengan menggunakan alat ujian SPSS 19.0 untuk mengetahui kebolehpercayaan setiap kenyataan yang dikemukakan.

Jadual 4.12: Statistik Kebolehpercayaan Bagi Setiap Pembolehubah.

Pembolehubah	Nilai Alpha Cronbach
Prosedur	0.832
Identiti	0.922
Sikap	0.744
Persepsi	0.765

Merujuk kepada Jadual 4.12 menunjukkan bahawa Alpha Cronbach (*Cronbach Alpha*) bagi semua pembolehubah adalah di antara 0.74 hingga 0.922. Ini

membuktikan nilai Alpha Cronbach (*Cronbach Alpha*) boleh diterima berdasarkan Cavana, Delehan dan Sekaran (2011), nilai kepercayaan bagi Alpha Cronbach (*Cronbach Alpha*) yang kurang daripada 0.60 adalah lemah, manakala 0.70 adalah boleh diterima dan 0.80 adalah baik. Oleh itu, keputusan ini menunjukkan bahawa nilai data dalam penyelidikan ini boleh dipercayai dan digunakan.

4.6 Analisis Korelasi Pearson

Analisis korelasi ini digunakan untuk menilai kekuatan dan arah perkaitan antara dua pembolehubah. Selain itu, analisis ini adalah untuk menguji hipotesis bagi membuat kesimpulan sama ada menerima atau menolak H_0 . Dalam penyelidikan ini, analisis korelasi digunakan untuk menilai kekuatan antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Menurut Pallant (2005) berdasarkan cadangan Cohen (1988) mengenai nilai korelasi Pearson (r) adalah seperti berikut:

1. Nilai korelasi yang kecil

$$r = 0.10 \text{ hingga } 0.29 \text{ atau } r = -0.10 \text{ untuk } -0.29.$$

2. Nilai korelasi yang sederhana

$$r = 0.30 \text{ hingga } 0.49 \text{ atau } r = -0.30 \text{ untuk } -0.49$$

3. Nilai korelasi yang besar

$$r = 0.50 \text{ hingga } 1.0 \text{ atau } r = -0.50 \text{ untuk } -1.0$$

Jadual 4.13: Nilai Pekali Korelasi Pearson Antara Pembolehubah Bebas dan Bersandar.

PERSEPSI	PROSEDUR	IDENTITI	SIKAP
Korelasi Pearson	0.566**	0.547**	0.396**
Sig. (2-tailed)	0.000	0.000	0.000
N	117	117	117

**. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Merujuk kepada Jadual 4.13 menunjukkan nilai pekali korelasi Pearson (r) hubungan antara pembolehubah bebas iaitu prosedur, identiti dan sikap dengan pembolehubah bersandar iaitu persepsi ialah positif dan signifikan ($p < 0.01$).

4.6.1 Prosedur Pensijilan Halal

Berdasarkan Jadual 4.13 menunjukkan keputusan hasil penyelidikan hubungan antara prosedur pensijilan halal dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Hasil ujian korelasi Pearson (r) mendapati bahawa prosedur pensijilan halal mempunyai hubungan yang positif dan signifikan ($r = 0.566$, $p < 0.01$) dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Hal ini menunjukkan bahawa prosedur pensijilan halal mempunyai hubungan positif yang tinggi dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia ($r = 0.566$). Melalui analisis ini maka pengujian hipotesis boleh dilakukan sama ada menolak atau menerima H_0 . Pengujian hipotesis adalah seperti berikut:

H_{01} : Prosedur pensijilan halal tidak mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

Ha1: Prosedur pensijilan halal mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

Prosedur pensijilan halal mempunyai hubungan yang positif dan didapati signifikan ($r = 0.566$, $p < 0.01$) secara statistik dengan persepsi. Keputusan penyelidikan ini berjaya menolak H_0 dan menerima H_a . Hubungan yang positif secara signifikan menunjukkan prosedur mempunyai kesan yang tinggi dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

4.6.2 Identiti Diri

Ujian korelasi yang terdapat pada Jadual 4.13 menunjukkan bahawa identiti mempunyai hubungan yang positif dan signifikan ($r = 0.547$, $p < 0.01$) dengan persepsi usahawan IKS bumiputera. Hubungan positif ini menunjukkan hubungan yang tinggi dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Berdasarkan ujian korelasi ini maka ujian hipotesis boleh dilakukan sama ada menerima atau menolak H_0 . Pengujian hipotesis adalah seperti berikut:

H_{02} : Identiti diri sebagai faktor penolakkan tidak mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

H_{a2} : Identiti diri sebagai faktor penolakkan mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

Identiti mempunyai hubungan yang positif dan didapati signifikan ($r = 0.547$, $p < 0.01$) dengan persepsi usahawan IKS bumiputera. Keputusan penyelidikan ini

berjaya menolak H_0 dan menerima H_a . Hubungan yang positif secara signifikan menunjukkan identiti mempunyai pengaruh yang tinggi dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

4.6.3 Sikap

Sikap mempunyai korelasi positif yang signifikan ($r = 0.396$, $p < 0.01$) dengan persepsi usahawan IKS bumiputera seperti di Jadual 4.13. Hal ini menunjukkan bahawa sikap mempunyai hubungan yang rendah dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Melalui analisis korelasi ini maka pengujian hipotesis boleh dilakukan sama ada menolak atau menerima H_0 . Pengujian hipotesis adalah seperti berikut:

H_{03} : Sikap tidak mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

H_{a3} : Sikap mempunyai hubungan dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

Sikap mempunyai hubungan yang positif dan didapati signifikan ($r = 0.396$, $p < 0.01$) dengan persepsi. Keputusan penyelidikan ini berjaya menolak H_0 dan menerima H_a . Hubungan yang positif secara signifikan menunjukkan sikap mempunyai hubungan yang sederhana dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

4.7 Analisis Regresi Pelbagai (*Multiple Regressions*)

Jadual 4.14: Ringkasan Model.

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	0.788 ^a	0.621	0.611	0.25056

a. Prediktor: (*Constant*), SIKAP, IDENTITI, PROSEDUR

b. Pembolehubah Bersandar: PERSEPSI

Jadual 4.15: ANOVA.

Model	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1 Regression	11.629	3	3.876	61.744	0.000 ^a
Residual	7.094	113	0.063		
Total	18.723	116			

a. Prediktor: (*Constant*), SIKAP, IDENTITI, PROSEDUR

b. Pembolehubah Bersandar: PERSEPSI

Jadual 4.16: Pekali.

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t Sig.	
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	0.839	0.265		3.164	0.002
PROSEDUR	0.277	0.034	0.492	8.062	0.000
IDENTITI	0.377	0.044	0.504	8.614	0.000
SIKAP	0.160	0.058	0.170	2.754	0.007

a. Pembolehubah Bersandar: PERSEPSI

Penyelidikan ini telah menggunakan kaedah analisis regresi pelbagai (*multiple regressions*) untuk menguji keseluruhan pembolehubah bebas dengan satu pembolehubah bersandar. Keputusan analisis ini ditunjukkan dalam Jadual 4.14 hingga Jadual 4.16.

Keputusan analisis regresi pelbagai (*multiple regressions*) yang terdapat dalam Jadual 4.14 hingga Jadual 4.16 mengenai tiga pembolehubah bebas yang dikaji terhadap persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Jadual 4.14 ringkasan model menunjukkan bahawa tiga pembolehubah bebas iaitu R ialah 0.788.

Keputusan analisis regresi pelbagai (*multiple regressions*) yang terdapat dalam Jadual 4.14 hingga Jadual 4.16 mengenai prosedur, identiti diri dan sikap yang dikaji bagi mengenalpasti persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Jadual 4.14 ringkasan model menunjukkan bahawa skor bagi R ialah 0.788 yang mana menunjukkan nilai korelasi terhadap tiga pembolehubah bebas iaitu prosedur, identiti diri dan sikap dengan pembolehubah bersandar iaitu persepsi usahawan terhadap pensijilan halal Malaysia. Manakala nilai persegi R ialah 0.621. Hal ini menunjukkan terdapat perbezaan antara nilai R dengan nilai persegi R iaitu terdapat 62.1% daripada tiga pembolehubah bebas tersebut yang mempengaruhi persepsi usahwan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

Selain itu, berdasarkan Jadual 4.15 ANOVA menunjukkan bahawa nilai F ialah 61.744 adalah signifikan pada tahap 0.000. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat 62.1% daripada varians iaitu nilai persegi R menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan oleh tiga pembolehubah bebas terhadap persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia.

Manakala merujuk kepada Jadual 4.16 Pekali membantu menjelaskan kepentingan antara tiga pembolehubah bebas dalam mempengaruhi persepsi usahawan IKS terhadap pensijilan halal Malaysia. Berdasarkan ruangan Beta menunjukkan nilai yang paling tinggi ialah 0.504 dengan nilai t ialah 8.614 untuk dimensi identiti yang mana menunjukkan nilai yang signifikan pada tahap 0.000 iaitu $p < 0.05$. Seterusnya dimensi bagi prosedur untuk nilai Beta ialah 0.492 dengan nilai t ialah 8.062 yang mana terdapat nilai yang signifikan pada tahap 0.000 iaitu $p < 0.05$. Sikap juga menunjukkan nilai yang signifikan pada tahap 0.007 iaitu $p < 0.05$ dengan nilai Beta yang paling rendah ialah 0.170 dan nilai t ialah 2.754. Hal ini menunjukkan bahawa tiga pembolehubah bebas iaitu prosedur, identiti dan sikap mempunyai hubungan yang signifikan dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Berdasarkan nilai Beta bagi setiap pembolehubah bebas menunjukkan bahawa identiti mempunyai nilai Beta yang tinggi iaitu 0.504. Prosedur pensijilan halal Malaysia menunjukkan nilai Beta iaitu 0.492 dan nilai Beta yang terendah iaitu 0.170 mewakili pembolehubah bebas iaitu sikap.

4.8 Rumusan

Pembentangan hasil dapatan penyelidikan dibentangkan dengan jelas di dalam bab empat ini. Analisis demografi dilakukan untuk mengetahui latarbelakang responden yang dikaji. Analisis deskriptif adalah melihat taburan min dan sisihan piawai data bagi pembolehubah bebas yang dikaji. Manakala analisis kepercayaan adalah untuk mengetahui kefahaman responden terhadap kesemua item-item soalan-soalan yang dikaji. Selain itu, analisis korelasi bertujuan untuk menguji semua hipotesis-hipotesis penyelidikan yang dibentuk untuk melihat hubungannya dengan persepsi usahawan IKS terhadap pensijilan halal Malaysia dan menjawab persoalan penyelidikan serta mencapai objektif penyelidikan. Seterusnya, analisis regresi menjelaskan hubungan antara keseluruhan pembolehubah bebas iaitu prosedur, identiti dan sikap dengan satu pembolehubah bersandar iaitu persepsi usahawan IKS bumiputera. Bab lima pula akan membincangkan hasil dapatan ini.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan merumuskan segala hasil dapatan penyelidikan seperti yang telah dianalisis di dalam bab empat. Secara keseluruhannya, penyelidik ini telah mencapai objektif yang telah dinyatakan iaitu mengkaji hubungan antara prosedur pensijilan halal, identiti dan sikap dengan persepsi di kalangan usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Perbincangan dalam bab lima ini juga berkenaan keputusan yang berkaitan dengan objektif dan hipotesis-hipotesis yang telah dibina di buat perbandingan dengan penyelidikan lepas dan seterusnya segala dapatan penyelidikan akan dibincangkan, dirumusan dan beberapa cadangan dikemukakan untuk penyelidikan lanjutan.

5.2 Dapatan Penyelidikan

Perbincangan mengenai objektif dibuat hasil daripada dapatan penyelidikan berkenaan hubungan dengan aspek-aspek yang dikaji. Aspek-aspek tersebut adalah prosedur pensijilan halal, identiti dan sikap dengan persepsi usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Perkara-perkara yang dapat dirumuskan merupakan asas atau dasar kepada objektif dan hipotesis penyelidikan ini. Selain itu, pandangan daripada penyelidik-penyelidik yang lepas

tentang faktor-faktor tersebut dibuat perbandingan dengan hasil dapatan penyelidikan ini.

5.2.1 Persepsi Usahawan IKS Bumiputera Terhadap Prosuder Pensijilan Halal Malaysia

Prosedur pensijilan halal adalah pembolehubah bebas yang dikaji untuk mengetahui hubungan dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Prosedur pensijilan halal Malaysia adalah objektif penyelidik pertama yang hendak dicapai oleh penyelidik.

Jadual 5.1: Nilai Pekali Korelasi Pearson Prosedur Pensijilan Halal Malaysia

PERSEPSI	PROSEDUR
Korelasi Pearson	0.566**
Sig. (2-tailed)	0.000
N	117

**. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Berdasarkan kepada hasil analisis korelasi yang telah dijalankan, tahap persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap prosedur pensijilan halal mempunyai hubungan yang tinggi dengan skor ($r = 0.566$, $p < 0.01$) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5.1. Jadual 5.1 menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara prosuder pensijilan halal Malaysia dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Berdasarkan analisis kepercayaan terhadap kesemua item yang dikemukakan kepada usahawan IKS bumiputera menunjukkan bahawa prosedur pensijilan halal mendapat skor dalam Alpha Crobach (*Alpha Cronbach*) iaitu sebanyak 0.832 dan

kesemua item-item tersebut difahami oleh responden penyelidikan. Manakala keseluruhan item yang dikaji dalam ujian analisis min yang mana skor yang diperolehi daripada ujian analisis tersebut adalah melebihi 3.0. Merujuk kepada ujian analisis min pernyataan yang dikemukakan kepada usahawan IKS yang mendapat skor tertinggi adalah prosedur pensijilan halal adalah untuk memastikan produk itu halal dan bebas dari perkara yang haram iaitu sebanyak 4.2479.

Hal demikian berlaku kerana responden menganggap bahawa kebanyakan prosedur seperti yang telah dibincangkan dalam bab dua mengenai syarat-syarat dan keperluan yang perlu dipatuhi semasa memohon pensijilan halal antaranya memastikan bahan-bahan yang digunakan adalah halal sebelum produk tersebut dipasarkan serta usahawan perlu memilih pembekal yang mempunyai sijil halal dalam setiap produk yang dimiliki. Justeru, usahawan berpendapat bahawa kebanyakan prosedur yang ditetapkan oleh JAKIM adalah untuk memastikan bahan-bahan yang digunakan dan produk yang dihasilkan sepanjang penghasilan adalah halal sahaja. Oleh yang demikian, responden berpendapat bahawa sebagai usahawan IKS bumiputera yang beragama Islam produk yang dipasarkan akan dipastikan bahawa bahan-bahan yang digunakan semasa penghasilan produk sememangnya halal dan responden bertanggungjawab bagi memastikan konsep halal dan haram diterapkan dalam perniagaan mereka.

Selain itu, responden menganggap bahawa prosuder pensijilan adalah ketat yang mana ujian analisis min menunjukkan skor min adalah 3.8457. Hal ini menyebabkan prosedur pensijilan halal Malaysia yang terdapat dalam prosedur pensijilan halal

Malaysia adalah membebankan dan merumitkan kepada responden untuk diikuti. Kenyataan ini disokong oleh Jusmaliani dan Nasution (2010) bahawa proses pensijilan halal adalah kompleks. Prosuder pensijilan halal bermula dari penyiasatan semua bahan-bahan makanan, prosedur pembersihan yang digunakan dalam pengeluaran dan pembungkusan. Pihak berkuasa kemudian menjalankan audit di semua tapak pengeluaran atau pemprosesan untuk mengesahkan pematuhan undang-undang pemakanan Islam. Setiap aspek produk dikaji dari bahan-bahan mentah yang mana mengenalpasti bahan-bahan yang dicampurkan ke dalam pembuatan dan pembungkusan. Sebaik sahaja produk makanan atau minuman telah menerima pensijilan halal maka produk tersebut dibenarkan dan sesuai untuk digunakan oleh umat Islam. Selain itu, usahawan IKS bumiputera mesti mematuhi kebersihan dan kawalan kualiti yang ketat semasa memohon sijil halal (Talib, Ali dan Jamaludin, 2008). Tambahan pula, kerajaan tidak akan melonggarkan prosedur sedia ada bagi mendapatkan sijil halal. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, tiada sebab untuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melonggar prosedur yang ditetapkan kerana halal adalah tuntutan agama. Beliau menegaskan bahawa hal ini berkaitan dengan prosedur halal dan JAKIM tidak mahu belaku penipuan jika sijil halal diberikan tetapi syarikat tersebut tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan (Utusan Malaysia, 2010).

Selain itu, kebanyakan responden melakukan perniagaan di rumah yang mana berdasarkan kepada ujian analisis skor min iaitu sebanyak 3.8803. Berdasarkan prosuder dan syarat-syarat permohonan pensijilan halal Malaysia usahawan perlu memiliki premis yang beroperasi terlebih dahulu sebelum permohonan dilakukan dan bukan melakukan perniagaan di rumah. Hal ini memerlukan kos yang tinggi untuk

memenuhi kehendak prosedur tersebut. Keadaan ini juga berkait rapat dengan kos untuk mendapatkan pensijilan halal agak membebankan usahawan IKS bumiputera untuk membiayai kadar caj tahunan kerana kebanyakan usahawan IKS bumiputera mempunyai pendapatan bersih tahunan yang kurang daripada RM 10,000.00.

Jadual 2.2: Kadar Caj Bagi Industri Pengeluar Produk.

Industri	Kadar (RM)
Industri Kecil	100.00 setahun
Industri Kecil & Sederhana (IKS)	400.00 setahun

Sumber: Halal Malaysia (2013).

Jadual 2.3: Kadar Caj Premis Makanan, Restoran dan Katering.

Premis Makanan, Restoran dan Katering	Kadar (RM)
Setiap satu unit premis	100

Sumber: (Halal Malaysia, 2013).

Berdasarkan Halal Malaysia (2013) kadar caj perkhidmatan adalah mengikut kategori yang telah ditetapkan dan tertakluk kepada perubahan dan segala kos yang melibatkan penyelidikan atau ujian makmal tentang status bahan ramuan produk perlu ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon atau syarikat. Bayaran permohonan pembaharuan juga akan dikenakan. Permohonan bagi produk tambahan selepas sijil halal dikeluarkan akan dikenakan bayaran seperti Jadual 2.2 dan Jadual 2.3.

Hasil dapatan penyelidikan ini disokong oleh penyelidikan Abdul et al, (2009) yang telah menjalankan penyelidikan terhadap usahawan IKS di Pameran MIHAS (May 7-11, 2008) dan Seminar Pensijilan untuk makanan mengeksport produk pada 18 Jun 2008 di MATRADE. Dapatan penyelidikan mendapati bahawa usahawan IKS menganggapkan prosedur pensijilan halal Malaysia adalah ketat.

5.2.2 Identiti Diri Sebagai Faktor Penolakan Terhadap Pensijilan Halal Malaysia.

Jadual 5.2: Nilai Pekali Korelasi Pearson Identiti Diri.

PERSEPSI	IDENTITI
Korelasi Pearson	0.547**
Sig. (2-ekor)	0.000
N	117

**. Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Hasil dapatan penyelidikan yang kedua mengenai kepentingan identiti diri sebagai faktor penolakan terhadap pensijilan halal Malaysia. Hasil dapatan penyelidikan melalui analisis korelasi bagi mengetahui hubungan identiti diri dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia mendapati bahawa identiti diri dengan persepsi usahawan IKS bumiputera mempunyai hubungan yang positif dan signifikan ($r = 0.547$, $p < 0.01$) seperti Jadual 5.2.

Keputusan ini menunjukkan bahawa identiti diri mempunyai hubungan yang tinggi dengan persepsi usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah yang tidak memiliki pensijilan halal Malaysia. Hal ini terjadi disebabkan oleh identiti diri sebagai usahawan IKS bumiputera beranggapan bahawa responden yang mempunyai identiti diri sebagai orang Muslim dan beragama Islam. Berdasarkan analisis kepercayaan terhadap kesemua item yang dikemukakan kepada usahawan IKS bumiputera menunjukkan bahawa prosedur pensijilan halal mendapat skor dalam Alpha Crobach (*Alpha Cronbach*) yang tertinggi iaitu sebanyak 0.922 dan kesemua item-item tersebut difahami oleh responden penyelidikan. Sebagai usahawan Muslim, responden mengetahui konsep halal dan haram dalam pengeluaran produk. Justeru responden berpendapat bahawa pengeluaran produk yang dikeluarkan oleh mereka adalah halal dan tidak perlu diragui oleh pembeli mahupun pengguna. Menurut responden bahawa setiap pengeluaran yang dikeluarkan menepati konsep halal dan haram yang diketahui oleh mereka sebagai usahawan Muslim.

Keadaan ini mendorong kebanyakan usahawan IKS bumiputera tidak memohon pensijilan halal Malaysia seperti yang dinyatakan oleh mereka melalui item-item borang kaji selidik yang diedarkan kepada usahawan IKS bumiputera di mana responden bersetuju bahawa sebagai seorang Muslim bahan bekalan yang digunakan adalah halal. Item yang dikemukakan menunjukkan skor min tertinggi iaitu 4.5043. Manakala item berkaitan dengan responden mengetahui bahawa setiap produk yang tidak halal adalah haram untuk dimakan oleh orang Muslim dan responden adalah seorang Muslim kedua-duanya menunjukkan skor min adalah 4.4701. Hal ini disokong oleh Jamaludin (2010) menyatakan bahawa seseorang mempunyai kecenderungan dalam proses membuat keputusan atau memberi persepsi

berlandaskan identitinya. Hal ini juga disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr. Mashitah Ibrahim menegaskan bahawa kebanyakan peniaga yang beragama Islam mempunyai anggapan bahawa mereka orang Islam maka mereka tidak perlu mendapatkan sijil halal untuk produk yang dihasilkan (Sinar Harian, 2012). Selain itu, responden berpendapat sebagai orang Muslim perlu mematuhi segala yang diperintah Allah S.W.T dan meninggalkan apa yang dilarang dalam kehidupan seharian. Keadaan ini diambil kira dalam aspek pemakanan yang meliputi halal dan haram yang mana perlu dititikberatkan oleh setiap orang Muslim. Oleh itu, penyediaan makanan juga perlu diambil perhatian sebagai usahawan Muslim agar keseluruhan proses pengeluaran produk berlandaskan prinsip Islam dalam menghasilkan produk atau perkhidmatan yang halal seperti yang disokong oleh Al-Nahdi (2008).

Hasil dapatan penyelidikan ini mempunyai persamaan dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Hustvedt (2006) menunjukkan bahawa hubungan antara niat pembelian masa depan dengan identiti diri menjadi pengantara untuk pembelian pakaian campuran kapas organik. Selain itu, persamaan penyelidikan yang berkaitan dengan identiti diri sebahagian daripada identiti keagamaan yang mempengaruhi persepsi melalui hasil penyelidikan Hashim dan Othman (2011) mendapati bahawa tahap keagamaan dan persepsi halal dikalangan bukan Muslim berbangsa Arab adalah lebih tinggi berbanding dengan orang Muslim berbangsa Arab dan menunjukkan bahawa orang bukan Muslim Arab lebih berhati-hati apabila membeli produk makanan berbanding dengan orang Muslim berbangsa Arab.

5.2.3 Sikap Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bumiputera.

Jadual 5.3: Nilai Pekali Korelasi Pearson Sikap Usahawan IKS Bumiputera

PERSEPSI	SIKAP
Korelasi Pearson	0.396**
Sig. (2-ekor)	0.000
N	117

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Penyelidikan ini menganalisis sikap usahawan IKS bumiputera mengenai pensijilan halal Malaysia sebagai objektif penyelidikan yang terakhir. Secara keseluruhannya penyelidikan ini telah mencapai objektif penyelidikan dalam mengkaji hubungan sikap usahawan IKS bumiputera yang mempengaruhi persepsi terhadap pensijilan halal Malaysia. Berdasarkan analisis korelasi antara sikap dengan persepsi usahawan IKS bumiputera didapati bahawa wujud hubungan yang sederhana antara sikap dengan persepsi usahawan IKS bumiputera yang signifikan dengan nilai $r = 0.396$ dan nilai $p < 0.01$ seperti di Jadual 5.3.

Hal ini dapat dirumuskan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara sikap dengan persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Berdasarkan analisis kepercayaan terhadap kesemua item yang dikemukakan kepada usahawan IKS bumiputera menunjukkan bahawa prosedur pensijilan halal mendapat skor dalam Alpha Cronbach (*Alpha Cronbach*) iaitu 0.744 dan kesemua item-item tersebut difahami oleh responden penyelidikan. Ini menunjukkan bahawa sikap usahawan IKS bumiputera berdasarkan keseluruhan item-item yang diedarkan

kepada responden mendapati skor nilai min yang tertinggi iaitu 4.2906 bagi item sikap merujuk kepada usahawan sentiasa mengamalkan konsep halal dalam pengeluaran. Selain itu, item yang menunjukkan bahawa responden yakin bahawa pekerja mereka mematuhi konsep halal sepanjang proses pengeluaran produk mendapati skor min ialah 4.2393. Manakala nilai skor min sebanyak 4.2137 merujuk kepada item responden sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan semasa proses pengeluaran produk tanpa perlu diragui. Justeru, produk yang dihasilkan oleh responden adalah selamat dan halal tanpa perlu diragui oleh pengguna atau pembeli. Faktor-faktor tersebut yang menyebabkan responden sebagai usahawan IKS bumiputera tidak memohon pensijilan halal Malaysia. Responden berpendapat bahawa pensijilan halal hanya memastikan bahawa produk yang dikeluarkan berkaitan dengan konsep halal, keselamatan dan kebersihan sahaja. Tambahan pula, responden merasakan sebagai usahawan bumiputera yang beragama Islam sewajarnya mereka mengetahui konsep halal dan haram yang telah diterapkan dalam kehidupan dari kecil lagi serta dipraktikkan dalam perniagaan mereka dan tidak perlu diragui oleh pengguna.

Selain itu, responden beranggapan bahawa proses mendapatkan pensijilan halal perlu mematuhi syarat-syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh JAKIM kebanyakan mengenai aspek keselamatan dan kebersihan yang perlu dipatuhi oleh pekerja dan majikan antaranya pekerja perlu menjaga kebersihan diri, peralatan perlu dibersihkan sebelum dan selepas penggunaan serta menjaga kebersihan dan keselamatan persekitaran supaya produk yang dihasilkan tidak tercemar telah dipraktikkan dalam perniagaan mereka untuk menjaga kualiti serta menyakinkan pengguna bahawa produk yang dipasarkan sememangnya selamat dan bersih. Hal

demikian mendorong responden bersikap untuk tidak memohon pensijilan halal kerana responden berpendapat bahawa aspek halal, keselamatan dan kebersihan sentiasa dipraktikkan dalam perniagaan selaras dengan keperluan yang diperlu dalam pensijilan halal Malaysia.

Hasil dapatan penyelidikan ini mempunyai persamaan dengan penyelidikan mengenai pengaruh sikap yang dilakukan oleh Rahman et al, (2011) mengenai faktor ketidakpatuhan dikalangan pengendali restoran terhadap Perintah Perihal Dagangan 1975 (Penggunaan Ungkapan Halal). Dapatan penyelidikan menunjukkan bahawa sikap mempunyai hubungan yang signifikan dengan ketidakpatuhan tingkah laku oleh pengusaha restoran terhadap amalan halal. Manakala, penyelidikan yang dibuat oleh Yusoff (2011) mengenai faktor yang mempengaruhi tingkah laku pembelian orang Muslim terhadap produk berlabelkan halal. Penyelidikan ini menunjukkan terdapat hubungan positif antara sikap dan niat pembelian. Berdasarkan penyelidikan oleh Lada, Tanakinjal dan Amin (2009) dalam menguji kesesuaian Teori Tindakan Beralasan dalam meramalkan niat untuk memilih produk halal di kalangan pengguna Malaysia. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa sikap didapati positif berkaitan dengan niat dalam memilih produk halal.

5.2.4 Latar Belakang Responden

Hasil dapatan penyelidikan mengenai latar belakang responden mengenai faktor-faktor yang memberi kesan kepada persepsi usahawan IKS dalam kalangan usahawan bumiputera di Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah terhadap pensijilan

halal Malaysia merumuskan bahawa faktor demografi seperti jantina, umur, jenis perniagaan, purata keuntungan tahunan, tempoh perniagaan dan bilangan pekerja telah digunakan untuk menggambarkan ciri-ciri responden.

Berdasarkan penyelidikan ini, terdapat 3 lelaki dan 114 perempuan responden yang terlibat. Majoriti responden adalah berumur sekitar 31 hingga 40 tahun. Ini menunjukkan bahawa majoriti usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah adalah dalam kalangan usahawan perempuan berbanding usahawan lelaki. Kebanyakan responden sebagai usahawan IKS bumiputera di Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah menceburi perniagaan kuih tradisional dan restoran yang mana mewakili kedua-dua jenis perniagaan tersebut sebanyak 33.3 dan 29.1%. Hasil daripada perniagaan yang diceburi oleh responden ini menunjukkan purata keuntungan tahunan yang diperolehi oleh mereka adalah kurang dari RM 10,000.00. Majoriti perniagaan yang diceburi oleh responden mempunyai pekerja yang kurang daripada 10 orang dan kebanyakan usahawan ini beroperasi perniagaan melebihi 11 tahun iaitu mewakili 29.9% dan juga kurang daripada 3 tahun iaitu sebanyak 28.2%.

Keputusan demografi ini mempengaruhi persepsi responden sebagai usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Ini adalah kerana berdasarkan demografi responden menunjukkan kebanyakan usahawan ini menceburi perniagaan secara kecil-kecilan dan sederhana yang mana mereka mempunyai pendapatan tahunan yang kurang daripada RM 10,000 dan mempunyai pekerja yang kurang daripada 10 orang.

5.3 Rumusan Penyelidikan

Industri makanan halal semakin berkembang pesat di seluruh dunia malah permintaan terhadap makanan halal semakin meningkat. Justeru kerajaan menyarankan kepada semua usahawan terutama kepada usahawan IKS bumiputera agar memiliki dan memohon pensijilan halal Malaysia bagi memenuhi permintaan terhadap industri halal. Namun begitu, penglibatan usahawan bumiputera dalam memiliki pensijilan halal berada pada tahap yang rendah berbanding dengan usahawan bukan bumiputera. Terdapat kira-kira 70% daripada pemegang sijil halal adalah dikalangan peniaga bukan bumiputera (Sinar Harian, 2012). Tujuan penyelidikan ini dijalankan untuk mengetahui faktor-faktor yang terlibat yang mempengaruhi persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Prosedur pensijilan halal, identiti dan sikap adalah pembolehubah bebas yang dikaji untuk mengetahui sejauhmana faktor-faktor ini mempengaruhi persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Pengumpulan data melalui pengedaran soal selidik di kalangan usahawan IKS bumiputera di Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah seramai 117 responden telah memberi respon mereka. Secara rumusannya melalui analisis regresi pelbagai bagi mengetahui sejauhmana hubungan dan pengaruh prosedur pensijilan halal, identiti dan sikap terhadap pensijilan halal Malaysia melalui keputusan ANOVA menunjukkan bahawa nilai F ialah 61.744 adalah signifikan pada tahap 0.000 . Keputusan ini menunjukkan bahawa 61.7% daripada varians (*R-square*) dalam persepsi usahawan IKS bumiputera menunjukkan terdapat hubungan oleh tiga pembolehubah bebas iaitu prosedur pensijilan halal, identiti diri dan sikap.

Manakala hasil dapatan penyelidikan melalui koefisien (*coefficient*) menunjukkan bahawa tiga pembolehubah bebas adalah yang paling penting dalam menjelaskan varians dalam persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Tambahan pula pada ruangan Beta bawah Jadual 4.16 menunjukkan bahawa prosedur pensijilan halal, identiti dan sikap adalah signifikan pada aras tahap 0.000. Hal menunjukkan bahawa ketiga-tiga pembolehubah tersebut mempengaruhi persepsi usahawan IKS bumiputera untuk tidak memohon pensijilan halal Malaysia.

Jadual 4.16: Pekali.

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	t Sig.	
	B	Std. Error	Beta		
(Constant)	0.839	0.265		3.164	0.002
PROSEDUR	0.277	0.034	0.492	8.062	0.000
IDENTITI	0.377	0.044	0.504	8.614	0.000
SIKAP	0.160	0.058	0.170	2.754	0.007

a. Pembolehubah Bersandar: PERSEPSI

Berdasarkan nilai beta dalam Jadual 4.16 bagi setiap pembolehubah bebas menunjukkan bahawa identiti mempunyai nilai Beta yang tinggi iaitu 0.504. Prosuder pensijilan halal Malaysia menunjukkan nilai Beta iaitu 0.492 dan nilai Beta yang terendah iaitu 0.170 mewakili pembolehubah bebas iaitu sikap.

Hal ini menunjukkan bahawa pembolehubah bebas iaitu identiti diri mempunyai hubungan yang tinggi dalam mempengaruhi persepsi usahawan IKS terhadap pensijilan halal Malaysia. Manakala pembolehubah bebas iaitu sikap mempunyai hubungan yang terendah dalam mempengaruhi persepsi pensijilan halal Malaysia dalam kalangan usahawan IKS bumiputera.

Keadaan ini disebabkan prosedur pensijilan halal Malaysia adalah dianggap ketat serta membebankan oleh responden dalam mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak JAKIM. Responden berpendapat bahawa mereka adalah orang Muslim yang mengetahui konsep halal dan haram dalam pengeluaran makan maka pembeli dan pengusaha tidak perlu ragu tentang produk yang dikeluarkan oleh mereka. Selain itu, sikap juga mendorong responden untuk tidak mengambil pensijilan halal Malaysia disebabkan proses pengeluaran produk yang dilakukan oleh responden adalah halal dan selamat digunakan oleh pembeli atau pengguna.

Kesimpulannya, prosedur pensijilan halal, identiti dan sikap mempunyai hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi persepsi usahawan IKS bumiputera untuk tidak memohon pensijilan halal Malaysia. Hal demikian juga menunjukkan bahawa penyelidikan ini telah mencapai ketiga-tiga objektif penyelidikan yang telah dikemukakan dalam bab satu. Selain itu, hipotesis yang dikemukakan samada menolak atau menerima H_0 melalui analisis yang telah dijalankan dalam bab empat telah membuktikan bahawa ketiga-tiga hipotesis tersebut telah berjaya menolak H_0 dan menerima H_a .

5.4 Cadangan Penyelidikan

Penyelidikan ini memfokuskan kepada usahawan IKS bumiputera Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah yang tidak memiliki pensijilan halal Malaysia. Namun begitu, harapan yang tinggi terhadap usahawan IKS bumiputera ini dalam memiliki pensijilan halal Malaysia seperti yang disarankan oleh kerajaan. Berdasarkan hasil penemuan dan analisis penyelidikan mencadangkan kepada pihak kerajaan, JAKIM, agensi-agensi usahawan dan usahawan IKS bumiputera bersama-sama berganding bahu untuk memberi kesedaran tentang kepentingan memiliki pensijilan halal Malaysia. Kerajaan perlu mengatur strategi dalam meningkatkan kesedaran usahawan IKS bumiputera tentang kepentingan pensijilan halal Malaysia seperti memperbanyakkan kempen, seminar dan kursus secara percuma kepada kesemua usahawan terutama usahawan IKS bumiputera. Pihak kerajaan juga perlu menambah peluang-peluang yang ada untuk menarik minat usahawan IKS bumiputera dalam memiliki pensijilan halal Malaysia dan usahawan ini perlu menghadiri khusus halal terlebih sebagai pra-syarat kepada usahawan di Malaysia sebelum mereka memohon daftar perniagaan.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) adalah agensi halal yang amat penting dalam mengeluarkan pensijilan halal Malaysia. Oleh itu, pihak JAKIM perlu meneliti semula prosedur yang sedia ada. Hal ini disebabkan kebanyakan usahawan IKS bumiputera menjalankan perniagaan mereka secara kecil-kecilan dan beroperasi di rumah. Justeru, prosedur yang ada atau yang melibatkan kos yang tinggi perlu dipertimbangkan atau dikurangkan oleh JAKIM agar usahawan ini tidak berasa beban untuk memohon pensijilan halal Malaysia. Pihak JAKIM boleh melakukan

kolaborasi dengan agensi-agensi usahawan yang sedia ada untuk menyediakan peruntukan modal khususnya modal pinjaman untuk memohon pensijilan halal kepada usahawan IKS bumiputera.

Selain itu, agensi-agensi usahawan di Malaysia adalah sebagai tempat rujukan usahawan dalam berurusan mengenai hal-hal yang berkaitan dengan perniagaan contohnya Amanah Ikhtiar Malaysia, *Small-Medium Enterprise Corporation* (SME), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan sebagainya. Agensi-agensi ini amat diperlukan untuk membantu usahawan IKS bumiputera mengenai urusan permohonan halal. Oleh itu, agensi-agensi disarankan untuk menubuhkan satu unit khas yang berkaitan dengan halal sebagai rujukan oleh usahawan IKS bumiputera bagi mengetahui secara mendalam mengenai permohonan halal. Hal ini memudahkan usahawan IKS bumiputera kerana di seluruh Malaysia mempunyai agensi-agensi tersebut dan ia memudahkan usahawan IKS bumiputera ini untuk berurusan mengenai permohonan halal. Agensi-agensi ini juga perlu berkerjasama dengan JAKIM untuk mengadakan atau menambahbaik seminar atau khusus yang sedia ada dalam menarik lebih banyak penyertaan di kalangan usahawan IKS bumiputera.

Akhir sekali, usahawan IKS bumiputera juga perlu peka dan sedar akan permintaan yang semakin meningkat dalam industri makanan halal. Mereka perlu memenuhi permintaan yang semakin berkembang ini agar pengguna mahupun pembeli lebih yakin dengan produk yang dikeluarkan oleh mereka. Peluang yang sedia ada yang disediakan oleh pihak kerajaan juga amat berharga kepada usahawan IKS bumiputera bagi mengembangkan perniagaan keperingkat global sekiranya mereka mempunyai

pensijilan halal. Hal ini disebabkan permintaan makanan halal yang semakin meningkat selaras peningkatan umat Islam diseluruh dunia.

5.5 Penyelidikan Masa Hadapan

Penyelidikan ini adalah mengetahui tentang persepsi usahawan IKS bumiputera terhadap pensijilan halal Malaysia. Penyelidikan ini memfokuskan kepada usahawan IKS khususnya usahawan bumiputera dalam industri makanan di Daerah Kubang Pasu di Jitra, Kedah yang tidak memiliki pensijilan halal Malaysia. Penyelidikan yang dijalankan dikalangan usahawan IKS bumiputera masih berada pada peringkat awal penyelidikan dan jurang penyelidikan perlu dikaji pada masa hadapan malah skop penyelidikan juga perlu lebih luas kepada usahawan IKS bumiputera bagi setiap industri tidak hanya tertumpu pada industri makanan sahaja. Hal ini kerana halal tidak hanya tertumpu pada skop makanan sahaja malah konsep halal amat luas dalam kehidupan manusia. Kebanyakan penyelidikan yang lepas lebih tertumpu kepada usahawan yang mempunyai pensijilan halal.

5.6 Rumusan

Hasil perbincangan dalam bab ini dapat dirumuskan bahawa penyelidikan ini telah mencapai objektif penyelidikan yang dikehendaki. Melalui hasil penyelidikan ini juga pelbagai pihak perlu bekerjasama dalam meningkatkan kesedaran tentang kepentingan industri makanan halal. Selain itu, diharapkan bahawa penyelidikan ini

dapat memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan dapat digunakan dalam perancangan dalam memperkembangkan industri makanan halal di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul, M. Ismail, H. & Mustapha, M. (2013). Halal food certification: case of Malaysian SME Entrepreneurs. *China-USA Business Review*, 12(2), 163-173.
- Abdul, M., Ismail, H., Hashim, H., & Johari, J. (2009). SMEs and halal certification. *China-USA Business Review*, 8(4), 23-29.
- Abu Bakar, Z., & Ismail, N. H. A. (2010) *Persepsi Dan Sikap Pelajar Terhadap Pendekatan Konstruktivisme Serta Kesan Terhadap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Matematik Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Diperoleh 6 Jun 2013 dari <http://eprints.utm.my>
- Ajzen, I. (1989). Attitude, structure and behavior, in Pratkanis, A.R., Breckler, S.J. and Greenwald, A.G. (Eds). *Attitude, Structure and Function*. Lawrence Erlbaum Associates, Hillsdale: New Jersey.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior And Human Decision Processes*, 50, 179-211.
- Albarq, A. N., & Alsughayir, A. (2013). *Examining a theory of reasoned action (TRA) in internet banking using SEM among Saudi consumer*. Diperoleh 11 April 2013 dari <http://www.aabri.com>
- Alfi Khairiansyah, M., Abdul Rahman, A. D., Jawdat, K., Ahmed Abdulaziz, H. A. (2011). Collaboration, wealth and value creation, smes' halal products communities, and information systems. *International Journal on New Computer Architectures and Their Applications (IJNCAA)*, 1(2), 510-518
- al-Nahdi, T. S. M. B. B. (2008). *Intention to patronage halal restaurants among Malaysian muslims an issue of halal perception*. Universiti Sains Malaysia : Tesis Master.
- Aziz, A. A., Amin, M., & Isa, Z. (2010). *The perception to choose halal cosmetics products: An empirical study for Malaysian consumer*. Diperoleh 22 Mac 2013 dari <http://icbme.yasar.edu.tr>
- Aziz, W. M. S. A. (2010). *Halal: antara tuntutan agama dan strategi ekonomi*. Diperoleh 8 Mac 2013 dari <http://www.islam.gov.my>
- Badrudin, B., Mohamed, Z., Sharifuddin, J., Rezai, G., Abdullah, A. M., Latif, I. A., & Mohayidin, M. G. (2012). Clients' perception towards JAKIM service quality in halal certification. *Journal of Islamic Marketing*, 3(1), 59-71.
- Bahli, S. (2011). Awareness of the halal industry. *International Halal Conference Pakistan 2011*. Sheraton Hotel, Karachi, Pakistan. 22 – 23 March.

- Bamberg, M. (2010). Who am I? Narration and its contribution to self and identity. *Theory & Psychology*, 21(1), 1–22.
- Bohari, A. M., Hin, C. W., & Fuad, N. (2013). The competitiveness of *halal* food industry in Malaysia: A SWOT-ICT analysis. *Geografia Online TM Malaysia Journal of Society and Space* 9(1), 1-9
- Bonne, K., Vermeir, I., Blackler, F. B., & Verbeke, W. (2007). Determinants of halal meat consumption in France. *British Food Journal*, 109(5), 367-386.
- Cavana, R. Y., Delehan B. L., & Sekaran, U. (2011). *Applied Business Research: Qualitative and Quantitative Methods*. Australia: John Wiley & Sons Ltd.
- Coon, D., & Mitterer, J. O. (2008). *Psychology A Journey. 3th ed.* Thomson Higher Education: USA.
- Cyberita. (2012). *Cabaran industri halal jadi tumpuan forum*. Diperoleh 5 Jun 2012 dari <http://ebookbrowse.com>
- Dahalan, Z. (2008). Kecenderungan umat islam terhadap konsep pemakanan halal : Penyelidik di UITM Pulau Pinang. ECER Regional Conference. *University Publication Centre (UPENA)*, 57-89.
- Davis, J. (2008). *Identity*. Diperoleh 28 Mac 2013 dari <http://www.jodidavis.com>
- Fun, S. S. (2007). *Managing halal quality in food service industry*. University of Nevada Las Vegas (Singapore): Tesis Master.
- Ghauri, P., & Gronhaug, K. (2010). *Research methods in business studies*. 4th etd. Financial Times Prentice Hall. Person. Great Britain.
- Hair, J., Money, A., Page, M., & Samouel, P. (2007). *Research Methods for Business*. England: John Wiley & Sons Ltd.
- Halal Development Corporation. (2012). *Business opportunities in halal industry*. IDB Conferences. Diperoleh 6 Jun 2013 dari <http://www.mida.gov.my>
- World Halal Research. (2013). *About Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd (HDC)*. Diperoleh 6 Jun 2013 dari <http://whr.hdcglobal.com>
- Halal Industry Development Corporation. (2013). *Halalan Toyyiban*. Diperoleh 24 Mac 2013 dari <http://www.hdcglobal.com>
- Halal Malaysia. (2013a). *Halal Certification Process Work Flow*. Di peroleh 24 Mac 2013 dari <http://www.halal.gov.my>
- Halal Malaysia. (2013b). *Pelaksanaan manual prosedur pensijilan halal Malaysia 2011*. Di peroleh 24 Mac 2013 dari <http://www.halal.gov.my>
- Halal Malaysia. (2013c). *Takrifan Halal*. Diperoleh 11 Mac 2013 dari <http://www.halal.gov.my>

- Harun, N. C. (2011). *The confidence level of purchasing product with halal logo among consumers*. Universiti Utara Malaysia: Tesis Master.
- Hashim, A. H., & Othman, M. N. (2011). *Halal food consumption: A comparative study between Arab Muslims and Non Arab Muslims consumers in Malaysia*. Diperoleh 28 mac 2013 dari <http://anzmac.org>
- Hassan, S. H. (2011). Consumption of functional food model for Malay Muslims in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, 2(2), 104-124.
- Hassandoust, F., Logeswaran, R., & Kazerouni, M. F. (2011). Behavioral factors influencing virtual knowledge sharing: Theory of reasoned action. *Journal of Applied Research in Higher Education*, 3(2), 116-134.
- Hoyer, W. D. & MacInnis, D. J. (2010). *Consumer Behaviour*. 5th ed. USA: South Western-Cengage Learning
- Hustvedt, G. (2006). *Consumer preferences for blended organic cotton apparel*. Kansas State University: Tesis Ph.D.
- Jabatan Audit Negara Malaysia. (2011). *Jabatan hal ehwal agama islam negeri kedah Majlis Agama Islam Negeri Kedah*. Laporan Ketua Audit Negara Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah. Diperoleh 13 April 2013 dari <http://www.audit.gov.my>
- Jamaludin, R. (2010). Bab 6: Pengertian konsep sendiri. *Psikologi Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia, 1-9.
- Jansson-Boyd, C. V. (2010). *Consumer Psychology*. New York: Open University Press.
- Jusmaliani. & Nasution, H. (2010). Identification of the attributes of halal meat consumption: Study of Muslims in Jakarta and Melbourne. *Review of Indonesian Economic and Business Studies* 1(1), 81-92.
- Khan, M. (2011). Transformasi halal. *Dewan Ekonomi*, 3-10. Diperoleh 5 Mac 2013 dari <http://www.islam.gov.my>
- Khazizul Maulod, P., Sabariah, J. & Syed Jamal Abdul Nasir, S. M. (2012). An empirical research on relationship between demand, people and awareness towards training needs: A case study in Malaysia halal logistics industry. *2012 IEEE Business, Engineering & Industrial Applications Colloquium (BEIAC)*, 246-251.
- Kilp, A. (2011). Religion in the construction of the cultural 'self' and 'other'. *ENDC Proceedings*, 14, 197–222.
- Kosmo. (2010). *Pentingnya sijil halal*. Diperoleh 16 April 2013 dari <http://www.kosmo.com.my>

- Lada, S., Tanakinjal, G. H. T., & Amin, H. (2009). Predicting intention to choose halal products using theory of reasoned action. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2(1), 66-76.
- Leary, M. R., & Tangney, J. P. (2012). *Handbook of Self and Identity*. 2nd.ed. New York: The Guilford Press.
- Leonard, L. N. L., & Cronan, T. P. (2005). Attitude toward ethical behavior in computer use: A shifting model. *Industrial Management & Data Systems*, 105(9), 1150-1171.
- Malaysian Standard 1500:2009. (2009). *Halal food - production, preparation, handling and storage - general guidelines (second edition)*. Diperoleh 26 Oktober 2013 dari <https://law.resource.org/pub/my/ibr/ms.1500.2009.pdf>
- MAMPU. (2012). *Insiatif dan impak pelaksanaan focus group pengurusan pensijilan halal*. Diperoleh 13 April 2013 dari <http://www.MAMPU.gov.my>
- Marzuki, S. Z. S. (2012). *Understanding restaurant managers' expectations of halal certification in Malaysia*. University of Canterbury: Tesis PHD
- Marzuki, S. Z. S., Hall, C. M., & Ballantine, P. W. (2012). Restaurant managers' perspectives on halal certification. *Journal of Islamic Marketing*, 3(1), 47-58.
- Masnono, A. (2005). *Factors influencing the Muslim consumer's level of confidence on halal logo issued by JAKIM: An empirical study*. Universiti Sains Malaysia: Tesis Master.
- Mohd Rizaimy Shaharudin., Maznah Wan Omar., Shamsul Jamel Elias., Mahazir Ismail., Siti Meriam Ali., and Mohd Ikhmal Fadzil. (2012). Determinants of Electronic Commerce Adoption in Malaysia SMEs" Furniture Industry. *African Journal of Business Management*, Vol. 6, No. 10, pp. 3648-3661.
- Muhammad, Z., Salleh, M. M., & Mahmood, A. M. (2010). *Halal: Antara tuntutan agama dan strategi ekonomi*. Diperoleh 20 Mac 2013 dari <http://www.islam.gov.my>
- Muhammad, Z., Salleh, M. M., & Mahmood, A. M. (2010). *Halal: Antara tuntutan agama dan strategi ekonomi*. Diperoleh 20 Mac 2013 dari <http://www.islam.gov.my>
- Mukhtar, A., & Butt, M. M. (2012). Intention to choose Halal products: The role of religiosity. *Journal of Islamic Marketing*, 3(2), 108-120.
- Nooh, M. N., Nawai, N., Dali, N. R. M., & Mohammad, H. (2013). Halal Certification: What the SME Producers Should Know. Diperoleh 24 Mei 2013 dari <http://www.academia.edu>

- Pallant, J. (2005). *Spss survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS for windows (version 12)*. Allen & Unwin. Diperoleh 16 April 2013 dari www.allenandunwin.com/spss.htm
- Phalet, K., Baysu, G., & Verkuyten, M. (2010). Political mobilization of dutch muslims: Religious identity salience, goal framing, and normative constraints. *Journal of Social Issues*, 66(4), 759-779.
- Rafida, A. R. N., Alina, A. R., Hafiz, H. H., & Saifol, B. (2012). Negotiating interests according to Islamic approach on halal certifications: Challenges in creating jobs. *World Applied Sciences*, 17, 11-16.
- Rahman, I. N. A., Saleh, R., Rahman, S. A., & Hashim, D. M. (2011). Factors contributing to non-compliance of the halal standard among restaurant operators in Malaysia. *International Conference on Business, Economics and Tourism Management*, 24, 88-92.
- Ramli, J. (2010) *Bab 6: Pengertian konsep kendiri*. In: Psikologi Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia, pp. 1-9. Diperoleh 12 Jun 2013 dari <http://eprints.utm.my>
- Rani, N. S. A., & Siaw, C. L. (2012). A critical review on the regulatory and legislation challenges faced by halal start-up SMEs food manufacturers in Malaysia. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 57, 541-548.
- Razalli, M. R., Abdullah, S., & Yusoff, R. Z. (2012). Is halal certification process “green”? *The Asian Journal of Technology Management*, 5(1), 33-41.
- Rezai, G., Mohamed, Z. A., Shamsudin, M. N., & Chiew, E. F. C. (2009). Concerns for halalness of halal-labelled food products among Muslim consumers in Malaysia: Evaluation of selected demographic factors. *Economic and Technology management Review*, 4, 65-73.
- Riaz, M. N. (2010). *Fundamentals of halal foods and certification*. Diperoleh 23 Mac 2013 dari <http://www.PreparedFoods.com>
- Robbins, S. P., & Judge, T. A. (2013). *Organization Behavior*. 15th ed. Person Prentice Hall: United State.
- Salman, F., & Siddiqui, K. (2011). An exploratory study for measuring consumers awareness and perc eptions towards halal food in Pakistan. *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business* , 3(2), 639-652.
- Salman, F., & Siddiqui, K. (2012). *Antecedents of halal food marketing in a Muslim country: Consumer insights from Pakistan*. Diperoleh 13 Mac 2013 dari [htt://marketing.conference-services.net](http://marketing.conference-services.net)
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2011). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. 5TH ed. Great Brition: John Wiley & Sons Ltd.

- Selamat, R. (2012). *Aplikasi konsep halal dalam produk makanan dan minuman Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bumiputera di Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda.
- Shaari, J. A. N., & Arifin, N. S. (2010). Dimension of halal purchase intention: A preliminary study. *International Review of Business Research Papers*, 6(4), 444-456.
- Sinar Harian. (2012). *Sijil halal: Kesedaran peniaga Islam masih rendah*. Diperoleh 12 Disember 2012 dari <http://www.sinarharian.com.my>
- Small and Medium Enterprises Corporation. (2013). *Definition of SMEs*. Diperoleh 28 November 2013 dari <http://www.smecorp.gov.my>
- Soesilowati, E. S. (2010). Business opportunities for halal products in the global market: Muslim consumer behaviour and halal food consumption. *Journal of Indonesian Social Sciences and Humanities*, 3, 151–160.
- Spring Singapore. (2011). *Global halal food industry guide to tapping the fast growing halal food market*. Diperoleh 19 Mac 2013 dari <http://www.spring.gov.sg>
- Stets, J. E., & Burke, P. J. (2003). *A Sociological Approach to Self and Identity. Handbook of Self and Identity*. New York: The Guilford Press.
- Talib, H. H. A., Ali, K. A. M., & Jamaludin, K. R. (2008). Quality assurance in halal food manufacturing in Malaysia: A preliminary study. *Proceedings of International Conference on Mechanical & Manufacturing Engineering (ICME2008)*. Faculty of Mechanical & Manufacturing Engineering: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), 1-5.
- Talib, Z., Zailani, S., & Zainuddin Y. (2010). Conceptualizations on the dimensions for halal orientation for food manufacturers: a study in the context of Malaysia. *Pakistan Journal of Social Sciences*, 7(2), 56-61.
- The German Chamber Network. 2012. *“Market watch 2012” the Malaysian food industry*. Diperoleh 6 Jun 2012 dari <http://www.malaysia.ahk.de>
- Utusan Malaysia. (2010). *Prosedur mohon sijil halal tidak akan dilonggarkan*. Diperoleh 13 April 2013 dari www.utusan.com.my
- Utusan Malaysia. (2012). *JAKIM lulus 1,285 permohonan sijil halal*. Diperoleh 13 April 2013 dari <http://www.utusan.com.my>
- Veal, A. J. (2005). *Business research method: A managerial approach*. 2nd ed. Perason Education Australia. Australia.
- Walley, K., Custance, P., Orton, G., Parsons, S., Lindgreen, A., & Hingley, M. (2009). Longitudinal attitude surveys in consumer research: A case study from the agrifood sector. *Qualitative Market Research: An International Journal*, 12(3), 260-278.

- Wilson, J.A. J., & Liu, J. (2010). "Shaping the Halal into a brand?". *Journal of Islamic Marketing*, 1(2), 107 – 123.
- Yusoff, S. H. M. (2011). *Factors that affects purchasing of halal label product: A study at uum Muslim consumer*. University Utara Malaysia: Tesis Master.
- Zainol, F. (2013). Laporan halal akan dikeluarkan. *Utusan*. Diperoleh 16 April 2013 dari <http://www.utusan.com.my>
- Zainudin, A. B., & Nor Hidayatul Aini, I. (2010). *Persepsi Dan Sikap Pelajar Terhadap Pendekatan Konstruktivisme Serta Kesan Terhadap Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Matematik Di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Diperoleh 16 April 2013 dari <http://eprints.utm.my/11188/>
- Zikmund, W. G., Babin, B. J., Carr, J. C., & Griffin, M. (2010). *Business Research Methods. 8th ed.* Canada: South-Western, Cengage Learning.